



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 23 BILANGAN 29

RABU 19HB. JULAI, 1978.

1398 رابو 13 شعبان

PERCHUMA

Treaty akan di-tandatangani Disember ini:

BRUNEI MERDEKA TULIN LAGI BERDAULAT - TITAH

BANDAR SERI BEGAWAN.—Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dengan rasmi-nya mengumumkan bahawa Brunei akan mencapai kemerdekaan penuh dalam tempoh lima tahun dari penghujung tahun 1978 ini.

Dari Singgahsana di-Lapau sempena sambutan Hari Keputeraan Baginda yang ke-32 pada pagi hari Sabtu, 15hb Julai lepas, Baginda Yang Dipertuan bertitah:

"Persetujuan bersama yang telah di-chapai dalam perundingan yang baru2 ini di-adakan di-London, dengan izin Allah, akan membolehkan Beta dan Kerajaan Beta, berusaha pada melengkapkan Negeri Brunei untuk mencapai semula taraf-nya sa-bagai sa-buah negara yang penuh

berdaulat lagi merdeka dalam tempoh lima tahun dari penghujung tahun 1978 ini".

Baginda bertitah bahawa persediaan dan persetujuan bersama yang telah di-chapai itu akan di-susun serta di-teliti dan di-kaji untuk di-jadikan suatu treaty atau perjanjian yang

baru yang akan di-initial sa-bagai pengesahan oleh kedua2 belah pihak dalam bulan September yang akan datang ini.

Treaty itu, titah Baginda, akan di-tandatangani di-Brunei dalam suatu upacara rasmi yang beristiadat dalam bulan Disember tahun ini juga.

Baginda mensifatkan tempoh lima tahun itu sa-bagai tempoh yang sungguh mustahak untuk mengator dan menyusun segala persiapan bagi menghadapi saat yang penting dalam sejarah Negeri Brunei Da-

russalam mencapai kemerdekaan sepenuhnya.

Baginda Yang Dipertuan menghasratkan kemerdekaan itu nanti bukan hanya dari segi nama atau sebutan, tetapi benar2 merdeka yang tulen yang tidak saja memberikan kebanggaan dan kemegahan, tetapi menjamin keselamatan dan ketenteraman, kemakmoran dan kebahagiaan yang berkekalan kepada negara, rakyat dan penduduk dan segala isi di-dalam-nya.

Ka-araf itu, ada-lah menjadi hasrat Baginda dan Kerajaan Baginda untuk mempesatkan peng-



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan membalas tabek hormat di-upacara perbarisan dan menerima tabek hormat di-Padang Besar, Bandar Seri Begawan.

hantaran penuntut2 ka-seberang laut dan melateh anak2 tempatan yang berkebolehan lagi jujor, taat dan setia pada mengelola usaha menyandang jawatan2 yang afdhal lagi mustahak untuk mereka memperolehi berjenis2 pengalaman dan kecekapan yang di-perlukan pada menjalankan dengan lchin lagi terator jentera pentad-

biran sa-buah negara yang benar2 merdeka.

Baginda Yang Dipertuan mengingatkan betapa mustahak-nya kita di-negeri ini bersatu-padu dan melipatgandakan usaha serta kerjasama ka-araf yang berkebakikan supaya keselamatan, kedaulatan dan kemerdekaan Negeri Brunei itu akan sentiasa terpelihara.

BRUNEI BERSEDIA BERBAIK2 DENGAN SEMUA NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN.—Perhubungan rapat antara Brunei dan Great Britain akan semakin kukuh dan bertambah erat lagi dengan ada-nya treaty yang baru yang akan di-tandatangani dalam bulan Disember ini.

Treaty itu akan membuka lembaran sejarah baru bagi Negeri Brunei sa-bagai sa-buah negara yang merdeka penuh.

Treaty itu juga akan memperkukuhkan lagi persahabatan yang mesra yang

sedia ada di-antara kedua buah negara.

Demikian di-titahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di-Lapau pada 15hb Julai lepas.

Di-samping itu, Baginda Yang Dipertuan juga menekankan hasrat Baginda dan Kerajaan Baginda untuk berbaik2 dengan semua negara jauh dan dekat yang sudi mengulorkan silaturrahim mereka zahir batin serta sedia hormat menghormati antara satu sama lain.

Baginda Yang Dipertuan berdo'a mudah2an keadaan aman tenteram akan ujud dan terus terpelihara bukan saja di-Negeri Brunei bahkan semua negara jiran.

Baginda bertitah bahawa dengan keadaan itu, akan membolehkan kita semua di-rantau ini mengusahakan kerja2 yang berkebakikan dan dengan kerana Allah untuk kebahagiaan rakyat dan negara masing2.



Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang J. A. Davidson.

Perutusan tersebut telah di-sembahkan oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang J.A. Davidson, di-Istiadat Mengadap, yang telah di-langsungkan di-Lapau Diraja, pagi Sabtu lalu. Dan ini merupakan upacara yang keempat kali bagi Tuan Yang Terutama itu di-beri penghormatan untuk menyembahkan 'Selamat Menyambut Hari Jadi Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei,' dari DYMM Paduka Seri Baginda Queen.

Di-Istiadat Mengadap itu juga TYT Awg David-

son telah menyebarkan 'Uchap Selamat' Kerajaan Baginda Queen kepada Kebawah DYMM serta penduduk Negeri Brunei, di-samping menguchapkan tahniah bagi pihak masyarakat British di-Brunei.

"Ada-lah menjadi keyakinan patek, semua orang2 British yang berkesempatan tinggal di-Brunei; berkhidmat dengan Kebawah Duli dalam banyak hal menyedari tanggung-jawab mereka dan sentiasa berusaha seberapa daya untuk negara dan orang2 Brunei."

Perutusan 'Uchap Selamat' DYMM Paduka Seri

HUBONGAN RAPAT BRITAIN - BRUNEI

"BETA mengirinkan uchap selamat kepada Kebawah Duli Tuanku, serta ingatan tulus ikhlas beta sempena menyambut Hari Puja Usia Duli, dan semoga beroleh keberuntungan di-tahun2 yang akan datang. Beta dengan sukachita mengingati kembali lawatan Kebawah Duli ka-London di-musim panas baru2 ini dan pertemuan yang membawa kepada satu keputusan yang berjaya yang akan membawa kepada masa depan antara dua negara yang sudah berhubung rapat." — Perutusan di-tandatangani ELIZABETH R.

Baginda Queen itu adalah berpanduan kepada pertemuan di-antara Baginda dengan Kebawah DYMM di-London, bulan lalu, jelas Tuan Yang Terutama lagi.

"Patek mendapat penghormatan kerana dapat hadir di-pertemuan yang mustahak itu yang bersifat semangat persahabatan dan saling mengerti di-antara Brunei dengan Britain. 'Uchap Selamat' dari kalangan sahabat di-Britain untuk Duli Tuanku dan mereka berbangga yang pertemuan di-London itu telah mencapai satu kejayaan," jelas-nya.

Tuan Yang Terutama telah menguchapkan tahniah di-atas beberapa kemajuan terutama perusahaan minyak yang membawa kemakmoran kepada Negeri Brunei. Kemajuan dalam bidang pelajaran, kesihatan, angkatan bersenjata, Polis dan lain2 Jabatan2 Kerajaan juga telah di-sentuh oleh TYT dalam ucapan sembah keshukoran-nya itu.

Tuan Yang Terutama juga menguchapkan tahniah atas kejayaan sa-orang rakyat Brunei yang telah menjadi johan qari antarabangsa bulan September tahun lalu.

- ★ TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sa-penoh-nya di-siarkan di-muka 2.
- ★ Sabda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir dan sabda Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Leila Diraja di-siarkan di-muka 3.

DALAM tempoh lima tahun, dari penghujung tahun 1978 ini, dengan izin Allah s.w.t. Negeri Brunei Darussalam yang sama2 kita kasehi ini menchapai taraf-nya sa-bagai sa-buah negara yang penoh berdaulat lagi merdeka. Kemerdekaan Negeri Brunei itu, saperti yang telah di-titahkan oleh Kebawah DYMM, "Bukan hanya dari segi nama atau sebutan sahaja, akan tetapi dengan izin Allah benar2 merdeka yang tulih; yang akan memberikan bukan sahaja kebanggaan, akan tetapi yang lebeh2 mustahak lagi ia-lah kemerdekaan yang akan menjamin keselamatan dan ketenteraman serta kemakmoran dan kebahagiaan yang berkekalan kepada negara, raayat dan penduduk serta segala isi di-dalam-nya".

Peretujuan kemerdekaan yang penoh berdaulat bagi Negeri Brunei itu di-chapai ada-lah dengan berkat usaha serta pimpinan yang bijaksana Kebawah DYMM dan Kerajaan Baginda, di-sertai semangat dan sikap bertolak ansor, hormat menghormati, di-ikuti oleh persahabatan yang erat lagi mesra di-antara Kebawah DYMM dan Kerajaan Baginda dengan Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen.

BETA bersukor ka-hadhrat Allah s.w.t. di-atas segala limpah rahmat-nya dan salawat serta salam bagi Nabi Besar Kita Muhammad s.a.w., kaum kerabat, sahabat2 dan pengikut2 Baginda yang setia serta jujur lagi beriman sahingga ka-akhir zaman.

Beta dengan ikhlas mengucapkan berbilang2 terima kasih kepada semua yang berkenaan pada perayaan ulang tahun hari keputeraan Beta yang ke-32, khusus-nya Beta mengucapkan berbilang2 terima kasih serta penghargaan kepada TYT, Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei atas ucap selamat-nya serta perutusan yang telah di-sampaikan-nya daripada DYMM Paduka Seri Baginda Queen.

Begitu juga Beta mengucapkan banyak terima kasih kepada YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himamah Wal-Waqar Pg Muda Muhammad Bolkiah yang telah menyampaikan ucapan selamat sa-bagai mewakili wazir2, cheteria2, dan pehin2 mentri serta mentri2 pendalaman.

Dan begitu juga Beta mengucapkan banyak terima kasih kepada YAB Menteri Besar Brunei atas ucap selamat bagi pehak seluruh raayat dan penduduk Negeri Brunei termasuk pegawai2 Kerajaan Beta.

Beta juga tidak lupa mengucapkan penghargaan serta terima kasih kepada badan2 dan kaum2 yang telah menghantar wakil kastiadat pada hari ini.

Alhamdulillah, dengan kornia Allah juga kita di-Negeri Brunei ini telah menikmati keamanan dan ketenteraman serta serba sedikit kemakmoran berunsor2 maju keadaan yang kita nikmati itu ada-lah hasil daripada usaha bersama oleh semua pehak yang berkenaan yakni pegawai2 dan kaki-tangan Kerajaan Beta, anggota dan ahli2 pasukan2 yang mengawal keselamatan dan ketenteraman negeri, serta kerjasama dari raayat dan penduduk Negeri Brunei yang chintakan keamanan.

Beta berharap semua pehak yang berkenaan akan



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

19HB JULAI, 1978

MERDEKA PENOH

Tempoh lima tahun bagi Negeri Brunei menchapai kemerdekaan yang penoh dan sa-bagai sa-buah negara yang penoh berdaulat di-Tenggara Asia ini, ada-lah merupakan tempoh yang singkat dan mustahak, sa-bagaimana yang telah di-titahkan: "Dalam tempoh lima tahun yang Beta sebutkan tadi ada-lah merupakan suatu tempoh yang sungguh mustahak bagi Beta dan Kerajaan Beta dengan kerjasama dan pertolongan yang ikhlas dari Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen untuk mengator dan

menyusun segala persiapan bagi Negeri Brunei menchapai saat yang amat penting dalam sejarah Negeri Brunei Darussalam yakni saat manakala Negeri Brunei menchapai kemerdekaan yang penoh".

Untuk mengisi kemerdekaan yang penoh berdaulat itu, raayat dan penduduk yang berlandung di-bawah panji2 Brunei Darussalam ini, sudah seawar-nya menjunjung serta menyahut titah seruan Kebawah DYMM supaya kita terus berusaha dengan tidak kendor2 pada memelihara keselamatan dan ketenteraman yang sedang kita nikmati sekarang ini; melipat-gandakan usaha dalam bidang jurusan masing2; bersatu-padu serta bekerjasama untuk perkara2 yang berkebakikan bagi negara, bangsa dan ugama.

Sa-bagai sa-buah negara yang merdeka penoh lagi berdaulat, Kebawah DYMM dan Kerajaan Baginda berhasrat untuk berbaik2 dengan semua negara, baik yang jauh mahu pun yang dekat yang sudi menghulurkan silaturrahim mereka dzahir-batin serta sedia hormat-menghormati antara satu sama lain, dan membolehkan rantau Tenggara Asia ini benar2 aman, bahagia dan makmor.

DALAM TEMPOH LIMA TAHUN:

NEGERI BRUNEI AKAN MENYUSUN PERSIAPAN KA-ARAH KEMERDEKAAN

TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Wad-daulah di-istiadat menyembahkan ucapan keshukoran dan mengornikan bintang2 kebesaran Negeri Brunei sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-32 yang di-langsungkan di-Lapau, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu, 15hb Julai, 1978.

terus berusaha dengan tidak kendor2 supaya keadaan yang kita nikmati ini akan berterusan dan dengan izin Allah Negeri Brunei akan dapat berkembang maju ka-arah yang di-redhai-Nya tanpa gangguan.

Pada saat yang berbahagia ini, Beta dengan amat sukachita mengomomkan bahawa dengan izin Allah s.w.t. jua dan dengan berkat semangat serta sikap bertolak-ansor dan saling hormat menghormati di-antara kedua belah pehak yang di-ikat oleh persahabatan yang erat lagi mesra, alhamdulillah persetujuan dan persefahaman bersama telah di-chapai di-antara Beta dan Kerajaan Beta dengan Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen mengenai masa hadapan Negeri Brunei yang terchinta ini.

Peretujuan bersama yang telah di-chapai dalam perundingan yang baru2 ini di-adakan di-London

dengan izin Allah akan membolehkan Beta dan Kerajaan Beta berusaha pada melengkapkan Negeri Brunei untuk menchapai semula taraf-nya sa-bagai sa-buah negara yang penoh berdaulat lagi merdeka dalam tempoh lima tahun dari penghujung tahun 1978 ini.

Persefahaman dan persetujuan bersama yang telah di-chapai itu akan di-susun serta di-teliti dan di-kaji untuk di-jadikan suatu treaty atau perjanjian yang baru yang mana insyaallah akan di-initial sa-bagai pengesahan oleh kedua belah pehak dalam bulan September yang akan datang ini, kemudian dalam bulan Disember tahun ini juga insyaallah treaty itu akan di-tanda-tangani di-Brunei dalam suatu upacara rasmi yang beristiadat.

Dalam tempoh lima tahun yang Beta sebutkan tadi ada-lah merupakan

suatu tempoh yang sungguh mustahak bagi Beta dan Kerajaan Beta dengan kerjasama dan pertolongan yang ikhlas dari Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen untuk mengator dan menyusun segala persiapan bagi Negeri Brunei yang menghadapi saat yang di-idam2i, saat yang amat penting dalam sejarah Negeri Brunei Darussalam yakni saat manakala Negeri Brunei menchapai kemerdekaan yang penoh.

Ada-lah hasrat Beta dan Kerajaan Beta untuk mempesatkan lagi dengan se-barapa awal yang boleh pada menghantar penuntut2 ka-seberang laut dan latehan anak2 tempatan yang berkebolehan lagi jujur, taat dan berkesetiaan yang tidak berbelah bahagi pada mengelolakan usaha kerana Allah menyandang jawatan2 yang afdhal lagi mustahak untuk mereka memperoleh berjenis2 pengalaman dan kecekapan yang di-perlukan pada menjalankan dengan lichen lagi terator jentera pentad-biran sa-buah negara yang benar2 merdeka supaya kemerdekaan Negeri Brunei itu bukan hanya dari segi nama atau sebutan sahaja, akan tetapi dengan izin Allah benar2 merdeka yang tulih yang akan memberikan bukan sahaja kebanggaan dan kemegahan akan tetapi yang lebeh2 mustahak lagi ia-lah kemerdekaan yang akan menjamin keselamatan dan ketenteraman serta kemakmoran dan kebahagiaan yang berkekalan kepada negara, raayat dan penduduk dan segala isi di-dalam-nya.

Oleh yang demikian



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ketika bertitah di-upacara tersebut.

amat-lah mustahak bagi kita semua di-Negeri Brunei ini supaya bersatu-padu dan melipat gandakan usaha serta kerjasama ka-arah yang berkebakikan supaya keselamatan, kedaulatan dan kemerdekaan Negeri Brunei itu dengan izin Allah akan sentiasa terpelihara, insyaallah.

Sempena hari yang berbahagia ini Beta ingin mengulangi lagi penghargaan yang tidak terhingga kepada Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen yang sentiasa dengan ikhlas menghulurkan bantuan dan pertolongan kepada Negeri Brunei sejak perhubungan di-antara kedua buah negara mula di-ujudkan sehingga-lah masa sekarang, di-waktu mana Negeri Brunei menikmati kemakmoran dalam keadaan yang aman tenteram.

Perhubungan yang rapat di-antara Beta dan Kerajaan Beta dengan Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen dan di-antara Negeri Brunei dengan Britain akan bertambah kukuh dan bertambah erat lagi dengan ada-nya treaty atau perjanjian yang baru, yang mana akan membuka lembaran sejarah yang baru bagi Negeri Brunei sa-bagai sa-buah negara yang penoh merdeka sambil memperkukuhkan lagi persahabatan yang mesra yang sedia ada di-antara kedua buah negara, di-samping itu ada-lah hasrat Beta dan Kerajaan Beta untuk berbaik2

dengan semua negara, baik yang jauh mahupun yang dekat yang sudi menghulurkan silaturrahim mereka zahir batin serta sedia hormat-menghormati antara satu sama lain.

Beta dengan ikhlas berdo'a mudah2an bukan sahaja Negeri Brunei bahkan semua negara jiran tetangga kita akan terus menikmati keadaan yang aman tenteram untuk membolehkan kita semua di-rantau ini mengusahakan kerja2 yang berkebakikan dan kerana Allah untuk kebahagiaan raayat dan negara masing2.

Akhir-nya Beta sukachita mengucapkan terima kasih dan penghargaan Beta kepada semua yang berkenaan dalam Kerajaan Beta di-Negeri Brunei ini termasuk anggota2 pasukan Pulis Diraja Brunei dan pasukan Askar Melayu Diraja Brunei dan juga ahli2 di-Jabatan Keselamatan dan Perisik yang telah mengendalikan peranan masing2 dengan jujur dan amanah.

Begitu juga Beta dengan hati yang ikhlas menchatitikan penghargaan dan terima kasih kepada anggota2 pasukan bersenjata Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen yang bersama2 berganding bahu dengan angkatan2 bersenjata Kerajaan Beta pada mempertahankan dan memelihara keselamatan, keamanan dan ketenteraman Negeri Brunei.



KELIHATAN Baginda sedang menyematkan bintang kebesaran Negeri Brunei, Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (DPMB) kepada Supt Alias bin Sheikh Ahmad.



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkih bersabda menyebarkan ucapan keshukoran.

RAAYAT DAN PENDUDOK SEDANG MENEKMATI KEBAHAGIAAN

zir2, cheteria2, kerabat2 Diraja dan mentri2 sekalian dengan perasaan yang khusus dan tawaduk mempersembahkan sembah keshukoran dan tahniah satinggi2-nya pada hari ulang tahun keputeraan yang ke-32 bagi Kebawah Duli Paduka Kekanda DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassan Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Darussalam serta sekalian jajahan taklok rantau dan pesisir-nya.

Patek bersukor ka-hadhrat Allah s.w.t. Tuhan seru sekalian alam di-atas limpah kornia-nya jua negeri Brunei Darussalam serta raayat dan penduduk dan juga isi di-dalam-nya di-bawah pimpinan yang bijaksana Kebawah Duli

Paduka Kekanda telah dan sedang menekmati kebahagiaan dan kemakmoran serta keamanan dan sejahtera.

Ini ada-lah dengan berkat kebijaksanaan dan inisiatif Kebawah Duli Paduka Kekanda yang senantiasa mengambil berat akan untung nasib raayat tidak kira samada raayat di-kota ataupun di-desa, yang mana Kebawah Duli Paduka Kekanda selalu sahaja berangkat ka-pendalaman untuk melihat dan meninjau sendiri akan keadaan mereka di-pendalaman itu.

Patek dengan ikhlas berdo'a semoga suasana dan keadaan sedemikian ini akan senantiasa berterusan buat selama2-nya. Di-bawah pimpinan Kebawah Duli Paduka Kekanda jua, Kerajaan Paduka Kekanda

SABDA ucapan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkih di-upacara menyebarkan ucapan keshukoran dan mengornikan pingat2 kebesaran sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassan Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah yang ke-32 tahun.

telah dan sedang menjalankan serta memperluaskan berbagai rancangan dan tidak kendor2 saperti dalam bidang agama, perubatan, pelajaran, pertanian dan lain2 lagi, semata2 untuk faedah dan meninggikan lagi taraf hidup raayat Kebawah Duli Paduka Kekanda. Begitu juga dalam bidang keselamatan dan keamanan yang mana segala usaha2 yang Kebawah Duli Paduka Ke-

kanda dan Kerajaan Paduka Kekanda telah dan sedang tumpukan dalam bidang yang amat penting ini sangat-lah di-hargai oleh semua raayat dan penduduk negeri Brunei yang benar2 chintakan keamanan.

Oleh kerana hanya dalam suasana yang aman tenteram sahaja-lah sa-sebuah negara itu akan dapat berkembang maju dan raayat serta penduduk-nya akan dapat menekmati kemakmoran dan kebahagiaan. Semoga-lah pegawai2 Kerajaan Paduka Kekanda yang telah di-amanahkan untuk menyelenggarakan serta menyempurnakan sa-suatu tugas itu akan senantiasa mendapat petunjuk dan hidayah dari Allah s.w.t. dengan tulus ikhlas serta rajin pada melaksanakan-nya semata2 kerana Allah jua.

Pada mengakhiri sembah patek di-istiadat yang gemilang ini, patek bagi pehak wazir2, cheteria2, kerabat2 Diraja dan mentri2 sekalian menyebarkan sekali lagi taat setia yang tidak berbelah bahagi dan berdo'a ka-hadhrat Allah s.w.t. semoga di-lanjutkan usia Kebawah Duli Paduka Kekanda Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassan Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah kekal karal memerintah di-atas singgahsana Kerajaan Negeri Brunei Darussalam.

Dan begitu juga patek berdo'a ka-hadhrat Allah s.w.t. mudah2an di-lanjutkan usia Kebawah Duli Paduka Kekanda DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri, serta Kebawah Duli Paduka Ayahanda, DYT Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddan dan Kebawah Duli Paduka Bonda, DYT Paduka Seri Suri Begawan Raja serta kerabat2 Diraja sekalian.

Dan mudah2an seluruh raayat Kebawah Duli Paduka Kekanda dan semua penduduk negeri Brunei Darussalam ini akan terus menekmati keselamatan, keamanan serta kemakmoran di-bawah naungan daulat serta puchok pimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Paduka Kekanda. Amin Ya Rabbalamin.

DENGAN nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Penyayang, dan segala puji2an tertumpu kapada-Nya, selawat serta salam kapada Nabi Muhammad s.a.w. dan kapada sekalian

sahabat dan pengikut2 Baginda yang setia hingga ka-akhir zaman.

AMPUN beribu ampun, PADA saat yang gilang gemilang lagi bahagia ini patek sa-bagai wakil wa-

AMPUN beribu ampun, patek dengan hati yang penuh ikhlas serta jernih lagi hening dan dengan mendahulukan perasaan shukor ka-hadhrat Allah s.w.t. bagi pehak dan atas nama seluruh raayat Kebawah Duli Tuan Patek dan penduduk negeri Brunei Darussalam ini serta patek sendiri menyebarkan tahniah yang satinggi2-nya ka-hadapan majlis Tuan Patek bersempena hari ulang tahun keputeraan Kebawah Duli Tuan Patek yang ke-32 ini.

Pada hari yang berbahagia ini, seluruh raayat Kebawah Duli Tuan Patek dan demikian juga penduduk2 negeri Brunei Darussalam sama2 bersukor serta bergembira serta berdo'a mudah2an Allah s.w.t. akan senantiasa mengornikan perlindungan serta hidayah yang tidak putus2 dan melanjutkan usia Kebawah Duli Tuan Patek serta berada dalam keadaan sehat wal'afiat.

Sejak istiadat yang sama pada tahun lalu, Alhamdulillah raayat Kebawah Duli Tuan Patek demikian jua penduduk2 yang ikut serta berhidup di-bawah panji2 Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek dengan kebijaksanaan pimpinan serta berkat daulat Kebawah Duli Tuan Patek jua terus-menerus menekmati taraf hidup yang lebih tinggi dan kemudahan2 yang luas dengan mutu yang sederhana.

Kemudahan2 ini Alhamdulillah telah pun di-nekmati oleh raayat dan penduduk negeri ini ia-lah pada asas-nya dengan adanya projek2 Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek yang selama ini sentiasa di-perluaskan, di-perbaiki



YAB Menteri Besar, Pengiran Dipa Negara Laila Diraja, Pengiran Abdul Momin.

RAAYAT DAN PENDUDOK TERUS MENEKMATI TARAF HIDUP YANG TINGGI

SABDA ucapan dan sembah keshukoran dari Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, Menteri Besar sa-bagai wakil raayat dan pegawai Kerajaan sempena hari keputeraan Baginda yang ke-32.

dan di-elokkan dari satu masa ka-satu masa.

Patek tiada-lah berniat untuk menyebarkan keseluruhan kemajuan2 yang telah tercapai di-bawah pimpinan bijaksana Kebawah Duli Tuan Patek, tetapi sekadar menyebarkan sa-bagai tanda keshukoran daripada raayat Kebawah Duli Tuan Patek dan penduduk negeri ini satu dua perkara yang patek berpendapat berpatutan untuk di-sembahkan.

Alhamdulillah dalam bidang pelajaran sunggoh banyak kemajuan2 yang tercapai yang sekarang boleh di-katakan seluruh pelusok negara telah mempunyai kemudahan2 persekolahan yang menyebabkan sa-akan2 semua kanak2 yang sa-harus-nya bersekolah sa-benar-nya berada di-sekolah.

Kedudukan saperti ini bukan-lah satu perkara yang dapat di-nekmati oleh penduduk2 di-negara2 lain selain daripada negara2 yang telah benar2 bertamaddun dan berkemampuan.

Dalam bahagian dermasiswa pula samada mereka

yang berkemampuan dari segi kebolehan-nya melalui aliran Inggeris atau Arab, Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek telah banyak menumpukan tenaga pada mempesatkan lagi latehan2 di-seberang laut dan alhamdulillah pada tahun ini merupakan tahun terbaik jika di-banding dengan tahun yang sudah2 dari segi bilangan pemuda-pemudi yang dapat membawa balek ka-tanah ayer mereka kelulusan2 yang mereka hajatkan untuk di-chapai, mudah2an sukat yang baik ini akan menerun buat masa2 yang akan datang.

Lain2 perkembangan, saperti perkhidmatan2 perubatan, kebajikan dan lain2 perkhidmatan sosial dan juga perkembangan2 perhubungan saperti talikom dan sa-umpama-nya termasuk-lah perkhidmatan perbekalan, alhamdulillah telah berjalan dengan baik menurut sebanyak sedikit apa yang telah di-rancang dan insha Allah bidang2 ini akan terus di-uruskan menurut kemampuan yang terdaya dari satu masa ka-satu masa dengan harapan yang penuh bahawa segala

perkembangan2 ini ada-lah semata2 untuk menemui pada mempupuskan lagi keperluan2 raayat Kebawah Duli Tuan Patek dan penduduk2 yang ikut berhidup di-bawah panji2 Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek.

Dari segi sektor pribet dalam jangka waktu 12 bulan kebelakangan ini, alhamdulillah dan dengan berkat daulat Kebawah Duli Tuan Patek jua menunjakkan satu jangka waktu yang istimewa kerana semakin banyak individual yang terdiri daripada raayat bumiputera Kebawah Duli Tuan Patek telah munchol ka-hadapan pada menumpukan tenaga ka-arah bidang2 perniagaan dan akhir2 ini telah timbul kesedaran yang berkesan di-kalangan peniaga2 bumiputera itu untuk meninjau keadaan2 di-sekeliling mereka dan menyatupadukan tenaga ka-arah matalamat bersama dalam bidang perniagaan yang halal dan di-redhai Tuhan.

Dengan ada-nya sekim pinjaman bagi peniaga2 kechil raayat Kebawah Duli Tuan Patek yang terdiri

daripada orang2 Melayu itu menggalakkan lagi kesedaran dan munchol-lah berjenis2 perniagaan yang sederhana yang di-kendalikan oleh raayat Kebawah Duli Tuan Patek di-negeri ini.

Patek berdo'a mudah2an benih yang telah semakin chambah itu akan terus hidup subur, sehat dan menghasilkan buah yang di-chita2 di-atas jalan2 yang di-redhai Allah jua.

Akhir-nya patek menyebarkan sa-bagai rekod kerjasama raayat Kebawah Duli Tuan Patek dan penduduk negeri ini pada menjaga atau memberikan kerjasama untuk menimbulkan keadaan2 yang aman sejahtera yang mana antara lain juga menyebabkan negeri ini telah menekmati suasana2 yang aman damai serta sejahtera. Mudah2an keadaan saperti ini akan terus menerus berkekalan pada membolehkan seluruh raayat dan penduduk negeri ini berhidup dalam keadaan aman makmor jua hendak-nya.

Sekian yang dapat patek sembahkan dan sekali lagi patek menyebarkan tahniah yang setinggi2-nya bersempenakan hari ulang tahun keputeraan Kebawah Duli Tuan Patek ini dengan berdo'a mudah2an Allah s.w.t. akan melanjutkan usia Kebawah Duli Tuan Patek dengan kegemiliran serta ketakwaan.

THOUSANDS WATCH ROYAL BIRTHDAY PARADE

BANDAR SERI BEGAWAN. — A teeming crowd of several thousand people from all walks of life was at the padang here last Saturday morning July 15 to watch a parade in honour of His Highness the Sultan's thirty-second birthday.

Thousands more throughout the State witnessed the colourful parade on television at home as it was telecast live by Radio Television Brunei.

The parade, commanded by Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Bijaya Major Hussin bin Haji Sulaiman, consisted of contingents from the First Battalion, Royal Brunei Malay Regiment, the 10th Princess Mary's Own Gurkha Rifles, the Royal Brunei Police Force and Police Saluting Gun Unit.

Also on parade were His Highness the Sultan's Colour, the Regimental Colour and the Police Royal Standard.

The civilian part of the parade was provided by detachments from the Cadets Royal Brunei Malay Regiment, the Cadets Royal Brunei Police Force, the Fire Brigade, the

Marine Department, the Customs Department, the Immigration Department, the Red Cross Society, the Boy Scouts and Girl Guides movements, the Boys Brigade, and schools and colleges.

A composite band made up of the RBMR Band, the 10th PMO Gurkha Rifles Pipes and Drums and the Royal Brunei Police Band was in attendance.

The parade started at seven past ten with the arrival of schoolchildren and other civilian participants followed by invited guests.

His Highness the Sultan arrived at the parade at eight o'clock, took the royal salute and shortly after, inspected the parade.

His Highness first inspected the Guard of Honour accorded by officers and men of the Regiment, Gurkha Rifles and Police and then from a special landrover, reviewed the civilian organisations.

After His Highness's inspection of the parade, the participants, preceded by the composite band, marched past the Royal Dais from where His Highness again received the royal salute.

The march past completed, the Police Saluting Gun Unit began to fire a 21-gun salute at ten-second intervals in co-

ordination with the Feu-de-Joie. The RBMR's Air Wing then staged a flypast.

This was followed by proclamations of Daulat Tuanku form the participants.

Among those who attended the parade were His Excellency the British High Commissioner, Mr. James Davidson, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Yang Teramat Berhormat the General Adviser, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, the Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha, the hon'ble State Secretary Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Yang Amat Mulia Pengiran Cheterias, members of the Legco, Pengirans, Pehins, community leaders, heads of government departments and other senior government officials.

Shortly after the parade, an obeisance and investiture ceremonies were held at the nearby Lapau.

The obeisance ceremony started with the Menteri Besar reading his congratulatory message and pledging loyalty on behalf of the Government and people of Brunei.

He was followed next by the British High Commissioner who read his congratulatory message on behalf of the British Government and people and YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir who read his on behalf of the Royal Family, Wazirs, Cheterias and Pehin Mentris including the "Mentris Pandalaman".

Scrolls which were not read pledging loyalty were also presented by leaders of the various communities, associations and others in the State.


His Highness the Sultan then delivered his speech from the Throne.

After a brief rest, the investiture ceremony was held.

The ceremonies were attended in addition to the dignitaries who were at the parade earlier, by Her Highness the Raja Isteri and other members of the Royal Family.

Later that evening a state banquet and another investiture ceremony were held at the Istana Darul Hana.

The investiture ceremony was followed by the State Silat and Kuntau (Malay Martial Arts) Championships.



His Highness the Sultan, accompanied by Acting Assistant Superintendent of Police Abdul Hamid and Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Lt. Col. Pengiran Ibnu, inspecting the police contingent of the honour guard.

Bicycle race on July 30

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Amateur Cycling Association is organising a bicycle race from Kuala Belait to Bandar Seri Begawan on July 30 as part of His Highness the Sultan's birthday celebrations.

The race will start at 6.30 in the morning from the Kuala Belait Recreation Club padang along Jalan Seria/Kuala Belait, Jalan Tutong, Jalan Gadong, Jalan Muara, Jalan Anggerek Desa, Jalan Baru and finish at the Youth Centre here covering a distance of 70 miles altogether.

It will be divided into individual and team events with

each team comprising four cyclists.

A spokesman for the organising committee said cyclists from Sabah and Sarawak are expected to take part in the race.

Cyclists interested in taking part in the race should get the entry forms available from Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Chuchu at the Youth Centre here; Awang Ismail Apang at the Youth Centre, Kuala Belait; Ibrahim Jalil at the Cooperative Development Department, Kuala Belait; Haji Ahim bin Haji Ibrahim at the Information Office, Tutong; and Yusof bin Mesir in Bangar, Temburong.

The forms should be returned not later than July 24.

This will be the third bicycle race to be organised by the association since its formation early this year.

The first was a 120-kilometre race along Jalan Mulaut in Sengkunong about twelve miles from here and the second was held last month at the Berakas Old Airport.

Civic course for students

BANDAR SERI BEGAWAN. — The third civic course for Brunei overseas students will be held at the Youth Centre here commencing on July 30.

The six-day course, the theme of which is "Students as the leader of tomorrow", will be attended by about one hundred students who are currently in the state for the summer vacation.

The course is organised by the Information Section of the State Secretariat with the co-operation of the Education and Religious Affairs departments.

It is aimed at providing a clear and effective picture of the government development projects and approach to the meaning of cooperation and loyalty to the Sultan, country, religion and race.

Prior to its formation, bicycle races in Brunei were organised by the State Youth Council.

Over 3000 take part in processions

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan and Her Highness the Raja Isteri and other members of the Royal Family were on the royal dais at the padang here on Sunday evening to watch the colourful floats, fancy dress and lantern procession.

They were among the thousands of people who poured into the capital to see the procession which started from the Jalan Ong Sum Ping padang.

Earlier in the afternoon, the floats and fancy dress procession was held starting from the Istana.

Altogether more than three thousand people representing government departments, firms, clubs, youth and welfare organisations, and schools and colleges took part in the processions which were held as part of His Highness the Sultan's thirty-second birthday this month.

Domestic science exhibition

BANGAR. — The Temburong District will hold a domestic science and handicraft exhibition here this Sunday in honour of His Highness the Sultan's birthday.

The exhibition is organised by the District Celebration Committee with the co-operation of the Temburong branch of the PERTIWI Association.

Entry forms and further details are obtainable from Dayang Norhani binte Pawi at the Sultan Hassan Religious School and Dayang Zainab Kalong at the English Preparatory School here.

Flowers Show

BUKIT BENDERA. — The Tutong District will hold a Flowers Show as part of His Highness the Sultan's birthday celebrations in the district on Sunday July 23.

The show for both orchids and non-orchid variety will be held at the Agriculture and Forest departments premises here from 9.30 in the morning to ten at night.

The first three winners in each section will receive cash prizes.

The chairman of the organising committee Awang Saleh bin Omar has appealed to flower enthusiasts in the district to participate in the show.

The committee will start receiving the flowers on July 22 from 1.00 pm.

Entry forms are available from Awang Ariff Haji Bolhassan at the Agriculture Office, Tutong and Awang Othman Abdul Ghani at the Birau Agricultural Station.

The forms should be forwarded to the secretary of the organising committee, Awang Suhaimi Abu Bakar, at the Agriculture Office here not later than tomorrow.

Meanwhile the Agriculture Office is also organising a Farmers Open Day to be held at the Rambai nursery in Kampong Rambai on October 15.

A spokesman for the organising committee said about one hundred and fifty farmers in the district has been specially invited to the occasion.

The spokesman said the farmers will be shown paddy, pepper, vegetable and other crops, and will be briefed on modern farming techniques.

Promotion for flying instructor

BERAKAS CAMP. — A pilot instructor of the Royal Brunei Malay Regiment, Major Pengiran Hasnan bin Pengiran Ahmad, has been promoted to Officer Commanding Standard and Training of the Air Wing.

Major Pengiran Hasnan, who succeeds Major Dennis Southern, will now be responsible for checking on the flying standard of pilots as well as the training of new pilots.

Major Pengiran Hasnan was one of the first four pilots in the regiment in 1968.

He is also the first local instructor to produce a qualified pilot trained locally.

Jack McLaughlin, Regional Director of the Boeing Commercial Airplane Company.

This order will bring to three, the number of B737's owned by Royal Brunei.

The new aircraft, which is expected to be delivered in February 1980, will be able to operate either in an all cargo role, an all passenger role, or combinations of either.

Speaking about the new con-

tract, Mr. Alan Douglas, the General Manager of Royal Brunei said: "The aircraft will provide for the continued growth of our passenger traffic, and in its all cargo role will provide a major benefit to industry in Brunei, and the community as a whole."

"The availability of regular all-cargo operations can facilitate the development of export industries", added Mr. Douglas.

RBA signs contract for B737 Convertible

BANDAR SERI BEGAWAN. — Royal Brunei Airlines last Thursday signed a contract for an advanced Boeing B737/200 Convertible with the Boeing Commercial Airplane Company.

The contract was signed in Royal Brunei's Head Office here by Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrain bin Pengiran Haji Abas, Director of Royal Brunei, and by Mr.

TEMPATKAN DIRI KADALAM GOLONGAN ORG2 YANG BERTAKWA

PADA hari ini kita berada di-dalam bulan Sha'ban, dan dalam masa sa-bulan lagi kita akan berada pula di-dalam bulan Ramadhan. Dalam bulan Sha'ban ini umpama-nya kita di-suruh supaya menghidupkan suasana bulan yang mulia ini dengan membanyakkan kerja2 amal ibadat kepada Allah, seperti memperbanyakkan zikir, do'a, sembahyang Tahajud, membaca ayat2 Al-Kor'an dan sembahyang berjema'ah di-rumah dan di-masjid2 serta lain2 ibadat lagi.

Kemudian dalam bulan Ramadhan pula kita akan menghadapi satu ujian yang paling besar ia-itu puasa bulan Ramadhan selama sa-bulan lama-nya. Jadi dapat-lah kita katakan bahawa kedua2 bulan yang di-sebutkan tadi ada-lah merupakan bulan yang kita berusaha lebeh giat pada menambahkan takwa kepada Allah.

Perkataan takwa erti-nya ta'at kepada Allah, ia memberikan tafsiran yang panjang lebar yang memberi erti, kita orang2 Islam hendak-lah senantiasa mematuhi segala perintah Allah, dan hendak-lah senantiasa memelihara diri kita dari kejahatan dan perkara2 maksiat yang bertentangan dengan ajaran2 Allah yang terkandung dalam Al-Kor'an.

Orang2 yang melakukan perkara2 maksiat ada-lah tidak terjumlah dari golongan orang2 yang bersifat takwa, jadi ada-lah menjadi suatu kerugian kepada kita jika sekiranya kita tidak terjumlah dari golongan orang2 yang takwa itu.

Sa-tengah dari sifat orang2 yang takwa ia-lah mereka itu senantiasa ingat kepada Allah, ingatkan segala surohan dan tegahan-Nya, dan segera menginsafi kesalahan, dan segera kembali kepada Allah memohon keampunan dengan tidak berkecualan dalam suatu maksiat atau kejahatan yang telah mereka lakukan, malahan hendak-lah berhasrat dengan sa-penoh hati untuk meninggalkan sesuatu yang tidak di-redhai Allah atau pun apa yang bertentangan dengan ajaran2-Nya yang mahasuci.

Dari penafsiran sifat2 orang yang takwa itu tadi, dapat-lah kita membuat pengukoran, ada-kah kita terjumlah ka-dalam golongan orang yang takwa atau sa-balek-nya, dan jika sa-kira-nya kita tidak terjumlah ka-dalam golongan tersebut, kita perlu-lah dari sekarang lebeh dahulu berikhtiar dan berusaha mengenali Allah, beriman dengan-Nya dan memperchayai ajaran2 yang di-bawa oleh para Rasul untuk menyelamatkan diri kita

KHUTBAH JUMAAT



dari anchaman kerugian di-dunia dan di-akhirat, kerana telah di-tegaskan bahawa orang2 yang tidak takwa itu ada-lah senantiasa di-dalam kerugian di-dunia dan di-akhirat.

Akhir-nya di-dalam bulan yang baik ini mari-lah kita melipat gandakan kerja2 amal kebajikan dan ibadat kita, serta berdo'a kepada Allah s.w.t. supaya kita di-golongkan dari golongan orang2 yang takwa berjaya di-dunia dan di-akhirat.

Memelok Ugama Islam

SA-ORANG lagi gadis Filipina telah memelok ugama Islam di-negeri ini. Beliau ia-lah Lydiat Galdones, 21 tahun, berasal dari Binalonan, Pengasinan, Filipina dan telah melangsungkan majlis pengIslamannya pada 8hb Julai bertempat di-rumah Awang Afflom bin Dato Haji Hamidon, No. 5 Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan.

Ketika melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mu-

dim) Dato Seri Utama Awg Haji Ismail bin Matserudin, Lydiat telah memilih nama Islam-nya sa-bagai Dayang Lydiawati bte Abdullah. Majlis pengIslamannya pada malam itu telah juga di-hadiri oleh beberapa orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Sementara itu tiga orang lagi telah memelok ugama Islam di-negeri ini yang masing2 telah melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awg Haji Ismail bin Matserudin:

Saudara2 baru itu ia-lah Diana Barbara Truman, 18 tahun, sa-orang gadis Inggeris berasal dari London, England kini di-kenali sa-bagai Diana bte Abdullah. Manakala Ayun Sia, 15 tahun, sa-orang gadis Murut dari Lawas, Sabah kini di-kenali sa-bagai Dy Zahrah bte Abdullah. Sementara sa-orang perempuan China dari Temparoli, Tuaran, Sabah, Lilylin Lim Lee Lee, 18 tahun, memilih nama Islam-nya sa-bagai Lily Rahmah bte Abdullah.



Diana



Mengalunkan 'Ashrakal' bagi meraikan pembukaan masjid di-upacara pagi itu telah juga diambil bahagian oleh tetamu2 khas ini.

BEGITU-LAH juga dengan kesenangan di-akhirat bukan di-dapat dengan chuma2, tentu-lah perlu chukop dengan sharat2-nya. Sebab itu mulai dari umur baligh, orang2 Islam lelaki dan perempuan yang sempurna akal, wajib menyempurnakan kewajiban dan tanggung-jawab yang di-pikulkan oleh Allah s.w.t.

Apa kewajiban itu? Kalau tidak belajar mana hendak tahu. Mahu senang hidup di-akhirat atau tidak? Kalau ada orang menjawab ia tidak mahu senang di-akhirat, baik suroh dia pereksa otak-nya di-hospital gila. Kerana semua orang yang siuman dan waras fikiran, tentu menjawab suka! sedangkan dia sa-orang sahaja yang menjawab tidak.

PERLUASKAN PENGETAHUAN UGAMA ISLAM

SAMBONGAN dan yang terakhir dari petikan ucapan YB. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awg Haji Abd Hamid, Kadhi Besar Brunei di-upacara perasmian masjid dan majlis makan tahun Kampong Jerudong.

yang melibatkan pengorbanan tenaga, masa dan wang ringgit beberapa kali dalam sa-tahun, apa payah-nya untuk mempelajari beramai2 ilmu ugama yang lebeh mendatangkan faedah untuk beribadat kita di-akhirat kelak, mengapa tuan2 mahu tertinggal daripada orang2 lain.

Bahawa di-saat keadaan kampung ini belum begitu ranchak dengan pelajaran2 ugama atau membaca Kor'an di-kalangan orang2 dewasa, meskipun sekali-sekala ada di-adakan sambutan2 maulud, majlis2 makan tahun yang memakan belanja begitu besar, kita terpaksa-lah berhadapan dengan kenyataan, bahawa ramai di-antara kita di-sini yang tidak pernah ada kesempatan belajar ugama di-sekolah2 pada masa2 yang lampau.

Tetapi pada masa sekarang ini berbagai2 kemudahan telah di-sediakan untuk kita mendapat ilmu pengetahuan ugama, maka tentu-lah tidak ada alasan selain daripada tiada mahu berusaha yang menjadi sebab kejahilan kita yang berterusan, keadaan ini perlu-lah di-fikirkan supaya dapat di-atasi oleh kita bersama.

Kalau tuan2 sanggup membuang tenaga, fikiran, duit dan lain2 untuk mengadakan makan tahun sa-chara besar2an hampir sa-tiap tahun, mengapa perkara kechil saperti mengadakan kelas2 belajar ugama dan membaca Kor'an mithal-nya tidak dapat tuan2 usahakan? Sedangkan kelas2 sedemikian diberikan perchuma oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Kalau tuan2 boleh mengadakan perlawanan2 gasing

Saya melihat semangat kerjasama dan gotong-ro-yong ada pada tuan2 di-sini, semangat ini perlu disalurkan kepada lebeh banyak lagi perkara2 amal kebajikan saperti meluaskan pengetahuan ugama itu. Dengan jalan demikian tentu-lah akan menambahkan kekuatan ugama di-kalangan tuan2 sendiri dan dengan sendirinya akan menambahkan lagi nafas baru bagi masjid tuan2 ini.

Sebab itu saya berseru kepada tuan2, rebut-lah peluang2 yang di-sediakan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia, khas-nya pada mengikuti pelajaran kelas2 ugama dan membaca Al-Kor'an di-samping pelajaran2 lain bagi meningkatkan lagi kekuatan ugama di-kalangan tuan2 dan usahakan-lah bagi mendapatkan mengikut saloran dan peratoran yang berjalan pada masa ini.

Kerana dengan ada-nya ilmu ugama, pandai membaca Kor'an dan lain2 yang berkebakikan itu mudah2an Allah akan mengurniakan taufik dan hidayah-nya bagi tuan2, menegehkan lagi iman serta membanyakkan lagi amal2 ibadat kepada Allah s.w.t. Jadikan-lah masjid ini sa-bagai pusat kebajikan yang utama khas-nya untuk membanyakkan iman dan amal saleh tuan2 serta pusat bagi meningkatkan lagi kesedaran berugama dan semangat ingin maju di-kalangan tuan2.



Lydiawati



Zahrah



Lily Rahmah

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 19hb Julai, 1978 hingga ka-hari Selasa 25hb Julai, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini :-

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
19hb	Julai	12.31	3.51	6.42	7.53	4.41	4.56 6.14
20hb	Julai	12.31	3.51	6.42	7.53	4.41	4.56 6.14
21hb	Julai	21.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57 6.15
22hb	Julai	21.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57 6.15
23hb	Julai	21.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57 6.15
24hb	Julai	21.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57 6.15
25hb	Julai	21.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57 6.15

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

SOKAN TAHUNAN TADIKA PGGMB KALI YANG KE-4

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kira2 200 orang murid dari Sekolah Taman Didekan Kanak2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah menyertai sokan tahunan mereka kali yang ke-4 pada Ahad awal bulan ini.

Sokan tahunan tersebut yang di-langsungkan di-Padang Sekolah Menengah SMJA di-sini telah di-rasmikan oleh Yang Di-Pertua PGGMB, Haji Chegu Shahbudin bin Saleh.

Berbagai2 acara perlawanan telah di-pertandingkan di-sokan tahunan itu yang berjalan di-sebelah pagi sahaja, antara-nya termasuk-lah lumba lari jarak 50 meter, meniup belon, lari dalam guni dan terek kalat.

Sokan tahunan itu juga telah turut di-meriahkan dengan acara khas bagi ibu-bapa2 murid2 dalam perlumbaan lari jarak 100 meter.

Di-samping itu satu per-

sembahan permainan pancharagam dari pasokan pancharagam Maktab SOAS yang memainkan beberapa buah lagu telah memeriahkan lagi sokan pagi itu.

Di-akhir acara, Datin Hajjah Zaharah bte Haji Idris telah menyampaikan hadiah2 kepada murid2 yang berjaya.



GAMBAR atas sekali, kelihatan Datin Hajjah Zaharah ketika menyampaikan hadiah kepada salah sa-orang murid Tadika PGGMB, manakala gambar atas ibu-bapa dan juga penunton di-temasha itu ketika menyaksikan acara di-jalankan. GAMBAR atas kanan acara meniup belon hingga pecah bagi kanak2 ini sedang di-jalankan. Gambar sa-belah kanan berlari dalam guni juga menarek dan mengelikan hati ibu-bapa yang menyaksikan anak2 mereka mengambil bahagian.



PERADUAN TARIAN ASLI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan tarian asli Brunei kali ke-4 bagi sekolah2 rendah seluruh negeri akan di-adakan pada malam Sabtu, 29hb. Julai bertempat di-Dewan Pusat Belia di-sini.

Peraduan itu yang di-anjarkan oleh Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran akan di-rasmikan oleh YB Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pg Haji Abas, Peguam Negara Brunei.

Sa-banyak 16 buah sekolah rendah seluruh negeri akan mengambil bahagian dalam peraduan itu.

Satu kenyataan dari setia usaha peraduan mengingatkan kepada sekolah2 yang mengambil bahagian supaya akan bersedia dan hadir lebih awal ditempat peraduan pada hari yang di-tetapkan.

Sementara itu sa-banyak

21 pasokan hadhrah sekolah rendah seluruh negeri yang terdiri dari 525 orang murid akan menyertai Peraduan Hadhrah Sekolah2 Rendah Melayu dan Perseidaan Inggeris kali kedua tahun ini bertempat di-SM Amar Pahlawan pada hari Ahad, 23hb Julai depan.

LUMBA lari seperti yang dapat di-saksikan dalam gambar di-atas sungguh mengagumkan hati kanak2 bila melihat ibu2 mereka juga jagoh dalam perlumbaan dan gambar sa-belah kanan menunjukkan suatu acara yang menguji kecekapan kanak2 untuk melukis sesuatu di-atas papan dan terus berlari juga di-pertandingkan. Gambar bawah acara terek kalat antara darjah2 rendah tidak kurang memeriahkan lagi acara sokan tahunan pagi itu, perlawanan itu telah di-menangi oleh pasokan di-sebelah kiri.



RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivshen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 19HB. JULAI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 STAR TREK
- 6.42 AZAN MAGHRIB
- 6.46 STAR TREK — sambongan
- MALAM**
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 RICH MAN POOR MAN — Episode pertama (Bahagian kedua) Rudy Jordache, bersama dua orang anak muda yang sekarang menjadi ahli2 dalam keluarga-nya, memulakan penghidupan baru-nya di-samping mereka.
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 RICH MAN POOR MAN — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.30 MAJLIS PERBINCANGAN
- 9.00 BEWITCHED — "Cheap, Cheap" Darrin memaksa Samantha mengembalikannya sa-helai baju yang mahal — Endora berchadang untuk memberi Darrin satu pengajaran!
- 9.30 CELEBRITY CONCERT — "Tom Jones"
- 10.20 WIMBLEDON TENNIS
- 11.50 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 20HB. JULAI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 HOT WHEELS
- 6.30 THE SECRET OF ISIS — "Rock Hounds Roost".
- 6.42 AZAN MAGHRIB
- 6.46 THE SECRET OF ISIS — sambongan
- MALAM**
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 HOW THE WEST WAS WON — Episode Pertama (Bahagian pertama)
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 HOW THE WEST WAS WON — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.30 HIDAYAT
- 9.00 DOKUMENTARI MELAYU — "The senses" (Naluri Manusia)
- 11.30 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 21HB. JULAI,

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.17 CHOMAT DAN CHOMEL
- 5.30 HERE COMES MUMFIE — "The Runaway Dishcloth"
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
- 6.30 THE MUPPETS
- 6.42 AZAN MAGHRIB
- 6.46 THE MUPPETS — sambongan
- MALAM**
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 HIBORAN MALAM INI
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 HIBORAN MALAM INI — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.30 SEKITAR TANAH AYER
- 9.00 THE GOOD LIFE — "Home Sweet Home" Lawak jenaka sa-lama sa-tengah jam dengan keluarga Good dan jiran2 mereka, Leadbetter.
- 9.30 THE WATER MARGIN — Episode 13. Kao Chiu telah di-pengaruhi oleh perasaan untuk mendapatkan kuasa — dia selalu merancang untuk menggulingkan Perdana Menteri.
- 10.20 MYSTERY MOVIE: Cool Million "The Abduction of Beyard Barnes"
- 11.50 SIARAN TAMAT.

SABTU - 22HB. JULAI,

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.57 RENGKASAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 CHILDREN'S FEATURE — "Lion Heart"
- 6.42 AZAN MAGHRIB
- 6.46 CHILDREN'S FEATURE — sambongan
- MALAM**
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 STARKY AND HUTCH
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 STARKY AND HUTCH — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.30 INTISARI



KATE Jackson, Jacklyn Smith dan Cheryl Ladd sa-bagai tiga orang gadis Angels yang masing2 bernama Sabrina, Kelly dan Kris.

Dalam episod ini mereka menjadi pengiring dan penjaga kapada Sammy Davis Jr., sa-orang penyanyi Amerika yang terkenal, apa bila chubaa2 di-buat untuk mencholek-nya. Saksikan-lah bagaimana ketiga2 ANGELS ini menghadapi-nya pada hari Isnin 24hb Julai jam 7.15 malam dengan tajok "THE SAMMY DAVIS JR. KIDNAP CAPER".

- 9.00 STARS ON ICE
- 9.30 WIMBLEDON TENNIS
- 11.00 TAYANGAN MALAM SABTU — "Aloha Means Goodbye". Sa-buah drama yang penuh suspense di-mana sa-orang guru muda mengidap sa-jenis penyakit yang ganjil, dan sedang terlibat dengan dua orang doktor — salah sa-orang daripada-nya mahu menggunakan guru itu sa-bagai sa-bahagian dari satu eksperimen yang merbahaya.
- 12.30 SIARAN TAMAT.

AHAD - 23HB. JULAI,

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.17 CHOMAT DAN CHOMEL
- 5.30 THE MAGIC BALL
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 ATOM ANT — "Ferocious Flea"
- 6.28 THE PARTRIDGE FAMILY — "Feline, Bergman and Partridge"
- 6.42 AZAN MAGHRIB
- 6.46 THE PARTRIDGE FAMILY — sambongan
- MALAM**
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 BIONIC WOMAN — "Rancho Outcast"
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 BIONIC WOMAN — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.30 SURIA
- 9.15 WIMBLEDON TENNIS
- 10.45 THAT'S HOLLYWOOD
- 11.15 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 24HB. JULAI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 THE LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "The Handyman"
- 6.42 AZAN MAGHRIB
- 6.46 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan
- MALAM**
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 CHARLIE'S ANGELS
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.30 SERIKANDI
- 9.30 HAWAII FIVE O — "Force of Waves"

- 10.35 THE FEATHER AND FATHER GANG — "Sun, Sand and Death" Dengan menyamar diri sa-bagai sa-orang Pegawai Askar Amerika Shari-kat, Harry Danton chuba untuk menangkap sa-orang kaya yang penipu atas tuduhan membunuh.
- 11.15 SIARAN TAMAT

SELASA - 25HB. JULAI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SESAME STREET
- 6.42 AZAN MAGHRIB
- 6.46 SESAME STREET — sambongan
- MALAM**
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 MAN FROM ATLANTIS — "Crystal Water Sudden Death"
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 MAN FROM ATLANTIS — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.30 SEKITAR TANAH AYER
- 9.00 ENTERTAINERS ON TOURS: "The Sisses — Netherlands"
- 9.30 BARETTA — "And Down Will Come Baby". Apabila saksi utama dalam kumpulan menjual anak damit di-bunuh dan untuk menghapuskan kumpulan itu Baretta sendiri berlagak sa-bagai sa-orang pembeli anak damit.
- 10.20 DOKUMENTARI MELAYU: National Geographic
- 11.10 SIARAN TAMAT.

Ranchangan baru "INTISARI"

TAHU-KAH awda bagaimana arang, di-suatu ketika dahulu memainkan peranan yang penting, sa-belum kedatangan alat2 moden, dengan ada-nya kemudahan kuasa letrik? Dan tahu-kaah awda bagaimana arang di-buat? Sampai bila chatuan ayer akan di-lakukan? Kenapa ia-nya perlu di-buat? Apa-kaah satu pertukangan tangan yang maseh di-praktikkan dan di-buat oleh penghuni2 di-rumah panjang Kampong Melilas, Ulu Belait? Segala persoalan ini akan dapat di-jawab dengan mengikut sa-buah lagi ranchangan TV tempatan yang akan menemui awda di-kacha TV mulai hari Sabtu bertujuan untuk memberikan rempah-sari mengenai kegiatan orang ramai, dalam berbagai aspek, seperti dalam bidang kebudayaan, kesenian, kemahiran dan pekerjaan harian, di-samping beberapa perkara yang menarek. Jangan lupa untuk mengikuti ranchangan INTISARI yang akan di-tayangkan pada tiap2 hari Sabtu mulai 22hb Julai ini.



HENRY Darrow sa-bagai David Kalari (kiri) dan Sally Struthers sa-bagai Sara Moore dalam tayangan Malam Sabtu minggu ini yang bertajok "ALOHA MEANS GOODBYE". Filem ini mengisahkan tentang diri Sara, sa-orang guru sekolah yang muda dan jelita, pergi berhut ka-Honolulu, tetapi paman dengan yang sungguh menarek yang terdapat di-sini bertukar chorak dengan sa-kelip mata bilamana keadaan kesihatan Sara menjadi buruk. Ia mengidap sa-jenis penyakit yang ganjil dan mendapati diri-nya di-gunakan sa-bagai sa-bahagian dari satu eksperimen yang merbahaya.



"CHAHAYA" MERANGKUL ANUGERAH SASTERA

SEKERIP drama radio 'Chahaya' memenangi hadiah bulanan RTB \$100.00. Karya sastra terbaik bagi bulan Jun itu dihasilkan oleh penulis tanah aver kita Awang Md Shahri Pehin Orang Kaya Jurulatch Awang Haji Md. Hussin. Dalam drama itu Md Shahri menimbulkan satu pertentangan hebat antara sa-orang manusia yang tak berguna dengan undang2 dan peratoran.

Pendukung watak Mahmud sa-orang anak muda yang mahu undang2 dan

peratoran di-laksanakan tanpa memoleh bulu dan tanpa 'excuse'. Sa-olah2 pada-nya tidak ada tolak-ansor dalam melaksanakan undang2. Kerana itu dia mahu Che'gu Zainun yang berpenyakit jantung itu diluchutkan saja dari jawatan-nya. Kerana dia tidak lagi boleh di-harapkan untuk mendidek anak2 bangsa. Jika orang2 sakit seperti ini masch juga ditimbang2kan untuk terus memegang jawatan maka akibat-nya akan merosakan kepentingan negara ke-

rana manusia2 seperti ini tidak lagi dapat memikul tanggung-jawab menurut yang sewajar-nya. Pada Mahmud sa-olah2 atas nama mengajar apa yang dikatakan kemajuan kita tidak perlu banyak bertimbang rasa dan tidak perlu banyak belas kasehan. Tetapi benar-kah bagitu?

Che'gu Zainun yang berpenyakit jantung itu memboktikan kepada masyarakat bahawa sa-tiap manusia itu, walau bagaimana pun jelek, rendah dan hina-nya ia dapat memberikan sumbangan kepada bangsa dan negara, yang kadang2 sumbangan dari manusia2 chachat ini tidak dapat dibayar dengan sa-gunong intan.

Malah Mahmud sendiri mengakui ini bila anak muda yang lanchang mulut ini buta oleh penyakit keturunan. Ketika itu dunia gelap bagi Mahmud, dan Hayati pula hilang dari samping-nya. Ya, siapa yang mahu menchini orang buta. Dan siapa yang sanggup berkorban memberikan chahaya kepada Mahmud yang buta itu? Hayati, doktor, atau para pemimpin yang sering me-laung2kan akan hidup dan mati bersama bangsa-nya?

Kita ikuti 'CHAHAYA' dalam sandiwara minggu ini yang akan di-siarkan pada hari Ahad 23hb Julai ini jam 12.00 tengah hari.



AWANG Md. Shahri bin Pehin Orang Kaya Jurulatch Awang Haji Md. Hussin, sedang menerima hadiah karya sastra terbaik bagi bulan Jun, dari RTB yang telah di-sampaikan oleh Pengurus Penerbitan Rancangan RTB, Awang Stewart Wavell dan di-saksikan oleh pegawai2 rancangan RTB. Awg. Wavell berkata 'Akhir-nya ahli2 Bengkel Penulis sudah melahirkan sa-banyak tidak kurang dari 30 buah skrip untuk rancangan2 Radio dan Talivishen, dari sejak ia-nya di-tubuhkan dalam bulan Februari yang lalu.'

Perlawanan Tennis Wimbledon 1978

PADA minggu ini RTB akan mempersembahkan tiga daripada perlawanan2 terbaik dalam Perlawanan Tennis Wimbledon 1978. Perlawanan2 ini akan dapat di-saksikan pada hari Rabu 19hb Julai jam 10.20 malam; pada hari Sabtu 22hb Julai jam

9.30 minit malam dan pada hari Ahad 23hb Julai jam 9.05 minit malam.

Tahun ini ada-lah tahun yang hebat di-Wimbledon — terutama sekali minat dalam perlawanan lelaki Perseorangan, sejak Bjorn Borg memenangi kejuaraan

di-Wimbledon pada tahun2 1976 dan 1977. Yang menjadi tanda tanya sa-tiap orang: dapat-kah ia mengulangi kejuaraan itu lagi? Hanya sekali dalam sejarah pertandingan hebat ini sa-orang pemain memenangi kejuaraan lelaki Perseorangan sa-lama tiga tahun berturut2. Pemain itu ia-lah Fred Perry—ia-itu 42 tahun yang lampau.

Dalam perlawanan perengkat akhir ini Borg akan menghadapi pemain Amerika yang handal ia-itu Jimmy Connors. Connors bukan-lah sa-orang yang mudah menyerah kalah—ia ada-lah sa-orang pejuang, dan Borg terpaksa-lah mengumpul sa-genap tenaga dan kemahiran-nya seandai-nya ia mahu menjadi juara sekali lagi. Borg memenangi set pertama dengan mata 6-2 dalam 37 minit; ia memenangi set kedua dengan mata 6-2 sekali lagi dalam 37 minit. Pada perengkat ini Borg masch tetap tidak berkeyakinan akan menchapai kemenangan—ia mengetahui bahawa Connors akan menjokkan kehandalan-nya bila2 masa saja. Pemain berbangsa Amerika ini menentang habis2 dan pada satu perengkat hampir2 memenangi set ketiga ini. Tetapi permainan-nya itu menemui kegagalan. Borg mendahului dalam set ketiga

dengan mata 6-3 dan, pemain berbangsa Sweden yang berusia 22 tahun ini berjaya merebut kejuaraan Wimbledon tiga kali berturut2. Perengkat akhir perseorangan wanita tahun ini ada-lah satu perlawanan yang paling hebat. Ada-lah sia2 untuk membandingkan-nya dengan perlawanan2 perengkat akhir yang terdahulu oleh kerana tidak akan mendapat jawapan melainkan dengan menyaksikan sendiri dua orang pemain wanita yang paling handal di dunia menunjokkan kemahiran mereka untuk merebut kejuaraan yang paling agong di dunia ini. Wanita2 itu ada-lah Martina Navratilova dan Chris Evert. Akhir-nya keputusan-nya di-dapati bergantung kepada dua faktor:— Kekuatan badan dan perlu memikirkan untuk menang.

Martina mileki kedua2-nya. Ia menewaskan Chris Evert dengan mata 2-6, 6-4, 7-5.

Martina berukuran 5 kaki 7½ inchi, berat-nya 10st. 3lb., merupakan sa-orang athlit yang tulin dan pemain bola yang cekap.

Chris Evert berukuran 5 kaki 5inchi, 8st. 13lb. Mempunyai sifat2 kewanitaan dan sa-orang pemain yang memperbaiki permainan-nya dengan melalui latihan2 yang mengikut disiplin. Martina menentang Chris Evert dengan pukulan2-nya yang kenchang—dan ternyata-lah agak sukar dengan semata2 bergantung kepada sifat2 kewanitaan untuk menandingi kekuatan tenaga. Sa-lepas pertandingan Chris Evert berkali2 mengulangi kata2: "Ia sangat kuat, lebeh kuat dari apa yang dapat saya chapai."



MARTINA Navratilova, juara Wimbledon perseorangan wanita 1978. Martina, berusia 21 tahun berbangsa Czechoslovakia, sekarang menetap di-Dallas, Amerika.



BJORN Borg — memenangi kejuaraan Wimbledon tiga tahun berturut2. Berbangsa Sweden, Borg sa-orang pemain yang mempunyai sifat2 yang penoh ketenangan kerana ia tidak memperlihatkan sebarang emosi ketika berada di-gelanggang.



Ruangan Kitani

SA-BUAH lagi Rancangan baru yang di-terbitkan oleh Bahagian Melayu Radio Talivishen Brunei ia-lah "Ruangan Ketani", sa-buah rancangan yang di-tutorkan dalam Bahasa Brunei.

Yang mengambil bahagian kelihatan gambar di-atas dari kanan ia-lah Dk. Intan, Dk. Mariam, Dayang Salmah Abdul Rahman dan Dayang Jamilah Abdullah.

Rancangan tersebut akan dapat diikuti pada tiap2 hari Ahad jam 1.45 tengah hari.

INTIS.

JUARA B



AWANG Roslany bin A... serta dari Tutong telah sa-bagai juara Bintang 1978. Awang Roslany, be... tahun 4 bulan, telah men... 14 orang peserta lain da... tandingan akhir yang tela... songkan di-Dewan Raya... siarkan sa-chara langson... Radio dan Talivishen p... Julai yang lalu.

Sa-lain dari menerima wang tunai, juara Bintang

PERADUAN SERIKANDI — PENDAPAT PARA HAKIM

SERIKANDI salah sa-buah rancangan RTB yang paling popular baru2 ini telah mengadakan Peraduan Tahunan mereka di-Dewan Bandaran BSB. Peraduan ini terbahagi kepada lima bahagian ia-itu, Menganyam Permaidani, Membuat Keropok, Gubahan Buah2an dan Sayor2an, Bahagian Icing Cake dan kemunchak peraduan ia-lah "Peraduan Memasak".

Ia-nya merupakan peraduan kedua yang di-adakan sejak RTB memulakan pemancarannya ini, telah menarik perhatian orang2 yang datang beramai2 untuk menyaksikan berbagai pertunjukkan yang di-pamerkan, dan terutama sekali untuk menyaksikan peraduan memasak oleh 10 orang peserta. Memanglah ternyata barang2 yang di-pamerkan mempunyai nilai yang tinggi dan para hakim mendapati sukar untuk membuat keputusan. Bagaimana pun selepas meneliti dengan sehalus2nya semua barang2 yang di-pamerkan, markah2 di-beri berbanding kepada susunan yang terator, chara menyusun, kebersehan dan kehalusan serta nilai2 kesenian yang di-perlihatkan oleh barang2 yang di-pamerkan.

Dalam bahagian menganyam permaidani para hakim berpandukan kepada pilihan warna yang terator, bersehan, susunan dan chara tenunan. Hadiah pertama di-menangi oleh Dayang Mahani Daud.

Dalam bahagian gubahan pula terdapat beberapa gubahan2 yang menggunakan buah2an dan sayor2an. Kebanyakan gubahan2 yang di-pamerkan kelihatan tidak bermaya dan tidak menarik. Ini boleh jadi disebabkan oleh susunan gubahan yang di-ator pada malam sebelum peraduan di-mulakan. Hadiah pertama di-menangi oleh Dayang Asiah Ismail, yang telah membentok dengan halus sekali berangkai2 bunga dari sa-biji buah papaya. Hanya-lah tangan2 yang penoh kemahiran yang dapat menchapai mutu2 sa-demikian tinggi.

Sa-tiap tahun terdapat ramai peserta memasuki peraduan bahagian membuat keropok dan tahun ini begitu-lah juga, keropok2 mesti-lah garing dan mempunyai bahan2 yang menchukopi seperti udang, ikan dan rempah2an-nya. Para hakim telah memutuskan hadiah pertama kepada Dayang Jamilah bte Abd Basit yang

telah memasoki bahagian ini dengan menghantar keropok yang di-buat dari udang di-champur dengan sedikit jintan manis. Bahagian Icing Cake agak mengechewakan, kebanyakan peserta menggunakan Royal Icing dan Butter Icing, sedangkan terdapat berbagai jenis Icing yang lain untuk di-pilih, tiap2 Icing bergantung kepada jenis kek. Mithalnya bagi kek yang mempunyai banyak bahan2, icing yang di-gunakan selalu-nya ia-lah Royal Icing — jenis yang sukar untuk di-buat. Hadiah pertama jatuh kepada Dayang Fatimah Tanji dengan Bakul Bunga.

Apabila bermula-nya Peraduan Memasak, ramai orang berhimpun untuk menyaksikan-nya, dan sa-banyak sepuluh orang peserta bertanding untuk mendapatkan berbagai hadiah. Ini-lah salah satu bahagian yang paling sukar untuk para hakim oleh kerana sa-tiap peserta telah mengeluarkan masakan2 yang paling enak dengan menggunakan ikan, ayam, daging dan yang paling popular "NASI BERYANI" ia-itu ayam berkari yang di-masak dengan nasi. Naluri merasa-lah yang mendapatkan kelazatan yang di-kehendaki. Hadiah pertama jatuh kepada Dayang Fatimah Tanji dengan masakan-nya Kari Udang Galah. Para hakim berpendapat bahawa ini-lah pertandingan yang amat berjaya dan di-harapkan supaya pertandingan2 yang serupa dapat di-adakan dengan chara yang besar2an lagi di-tahun hadapan.

Hadiah2 telah di-dermakan oleh Overseas Agency Ltd & Dorothy Gray dan Abd Samad & Anak2 dan hadiah2 itu telah di-sampaikan oleh Puan Miller, isteri kepada Pengawal RTB.

Berikut ia-lah keputusan penoh peraduan SERIKANDI.

BAHAGIAN A (MASAKAN) :
Pertama — Dayang Fatimah Tanji dengan masakan Udang Galah Berhias, Kedua — Dayang Salmah Adam dengan masakan Nasi Beryani Ayam dan Ketiga — Dayang Rohani Haji Abd Rahman dengan masakan Achar Telor.

BAHAGIAN B (ICING CAKE) :
Pertama — Dayang Fatimah Tanji, Kedua — Dayang Mary Joseph dan Ketiga — Dayang Fatimah Yahya.

BAHAGIAN C (GUBAHAN SAYOR2AN DAN BUAH2AN) :
Pertama — Dayang Asiah Ismail, Kedua — Dayang Mahani Daud dan Ketiga — Dayang Norhayati Othman.

BAHAGIAN D (PERMAIDANI) :
Pertama — Dayang Mahani Daud, Kedua — Dk Siti Mariam Pg Ahmad dan Ketiga Pg Hj Zamrud bte Pg Anak Tajuddin.

BAHAGIAN E (KEROPOK) :
Pertama — Dayang Jamilah bte Abd Basit, Kedua — Pengiran Rafeah Pg Haji Omar Ali dan Ketiga — Dayang Halimah Yusof.

Resepi Udang Galah Berhias — Pemenang Pertama

Di-sediakan oleh

DY. FATIMAH TANJI

- 2 kati udang galah
- 10 batang lada kering
- 4 sudu makan ketumbar
- 1 sudu kecil jintan manis
- 1 sudu kecil serbok kunyit
- 4 biji bawang besar di-hiris nipis2
- 1 gelas kecil tairu (1 tin nestle cream)
- 4 sudu makan tomato puri
- 1 chawan kismis goreng sekejap
- 1 chawan biji jagus goreng sekejap
- 1 chawan kacang tanah goreng tidak berminyak, tumbuk jangan halus.
- 1 chawan minyak untuk menumis.
- Aji no moto, garam, dan gula sa-chukop rasa.

BAHAN2 PENUMIS

- 2 kuntum pelaga
- 1 keping kayu manis
- 2 ulas bawang putih
- 3 ulas bawang merah.

BAHAN2 UNTUK MENGHIAS

- 1 biji timun
- 1 biji lobak merah
- 4 biji lada merah
- 1 tin kacang peas.

PERATORAN MEMASAK-NYA :

Udang di-bersehan jangan buang kulit, rempah2 seperti lada, ketumbar, jintan manis dan kunyit di-giling sampai halus. Panaskan minyak, tumis pelaga, kayu manis, bawang putih dan merah sampai kuning, masukkan bawang besar, tumis sampai layu. Kemudian masukkan pula rempah2 yang di-giling tadi goreng sampai keluar minyak. Masukkan-lah udang, kacang2 jangan sampai hangus. Masukkan lagi tairu dan tomato kacang2 tutup sa-bentar. Bila agak2 mendidih buboh-lah kacang tanah yang di-tumbuk kasar, kismis, biji jagus. Masak-lah sampai kuahnya pekat. Aji no moto, gula dan garam mengikut rasa puan2 sendiri.



Nasi Beryani Ayam — Pemenang kedua

Oleh DY. SALMAH ADAM

BAHAN2-NYA :

- 1 ekor ayam (ambil bahagian isinya sahaja)
- 3 biji bawang besar (di-goreng)
- 2 biji buah tomato
- 2 biji asam limau
- 2 biji lada hidup
- 1 chupak beras beryani
- sedikit kismis, biji gajus (di-goreng), kayu manis dan pelaga.

REMPAH2-NYA (DI-GILING)

- 2 sudu besar jintan putih
- 2 sudu besar lada putih
- 4 inci halia
- 2 labu bawang putih
- 1 chawan biji gajus
- 1 1/2 chawan kecil lada serbok
- 1 1/2 chawan minyak sapi

1 chawan tairu sedikit garam, perwarna kuning dan esen rose dan aji-no-moto.

PERATORAN-NYA :

Panaskan minyak sapi dalam periok, tumiskan kayu manis, buah pelaga dan rempah2 bila garing masukkan buah tomato yang di-potong, ayam, lada potong, garam dan tairu. Masak hingga ayam empok, jika ayam-nya kering, tambah-lah sedikit ayer. Bila ayam hampir empok, masukkan biji gajus yang di-giling tadi dan asam limau. Bila sudah masak baru kita taburkan bawang goreng, biji gajus dan kismis.

Basoh beras dan rebus dengan menggunakan ayer yang banyak dan buboh garam. Bila beras sudah sa-paroh masak, buangkan ayer-nya dengan di-toskan atau di-tapis. Masukkan nasi ka-dalam periok ayam tadi dan buboh warna kuning yang di-champur dengan esen rose, dan taburkan sa-paroh lagi bawang goreng dan biji gajus. Tutup rapat. Bila wap-nya sudah naik baru-lah di-kachau dan tutup balek hingga nasi itu masak.



Achar Telor — Pemenang ketiga

Oleh DY. ROHANI HAJI ABD RAHMAN

BAHAN2-NYA :

- 5 biji telur ayam
- 5 batang lada kering
- 3 ulas bawang putih
- 1 jari halia
- 1 sudu makan ketumbar
- 1 chamcha teh jintan putih
- 1 chamcha teh kunyit serbok
- 5 batang lada merah basoh
- 5 chamcha teh gula pasir

garam, bawang besar

2 sudu makan minyak kelapa daun salad ikut suka

3 chamcha teh bijan.

PERATORAN-NYA :

Hiris bawang bulat dan tipis. Kemudian tumis, bila bawang hampir kuning masukkan rempah2 yang sudah di-giling tadi, sa-telah itu masukkan chuka, garam serta gula dan telur yang sudah di-kupas kulit-nya. Bila mendidih masukkan lada sudah mendidih angkat dan atorkan dalam piring dengan daun salad seperti suatu gubahan.

SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra Irama; 9.00 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan Selokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran Selingan; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.30 — Autograph pendengar. T/HARI: 12.00 — Tahu kah awda (SU) — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Apa kata mereka (SU); 1.30 — Persembahan pancharagam (SU). PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Permintaan perajurit; 7.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat; — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — — Belia Zaman Ini; 9.00 — Terima-lah Sampul Surat; 9.30 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.15 — Rampaian London; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Dendang sa-irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Salam dari ku (SU); 11.30 — Rampaian irama. T/HARI: 12.00 — Selingkar Madah; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu Kah Awda (ulangan); 1.30 — Ragam Mudi Mudi. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntungan Khutbah Jumaat; 6.00 — Mari Berzikir — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.30 — Hidayat; 7.30 — Permainan gambus — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara Radio (US); 9.30 — Ku Sampaikan Salam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

APA PILEHAN AWDA



DAYANG Zabidah bte Mahmud, No. 144 Kampong Pekilong Muara, Brunei akan berpeluang untuk memilih lagu2 dalam ruangan Apa Pilehan Awda pada hari Jumaat ini, 21hb Julai, 1978.

Lagu2 pilehan Dayang Zabidah akan dapat di-ikuti pada jam 9.00 pagi dan siaran ulangan-nya pada hari Sabtu jam 9.30 pagi.

JUMAAT

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.00 — Untuk kaum tani; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Kuiz/Berbahas Pantun; 11.30 — Hidayat (SU). T/HARI: 12.00 — Permainan gambus (SU); 12.30 — Menuaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsung dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama; 2.00 — Belia zaman ini; 2.30 — Suara Dari Bintang; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Panorama Radio/Kursus di-radio; 3.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat (SU) — Azan untuk fardhu Asar; 4.00 — Dari Pengalaman Awda/Suara P.T.E. (SU); 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama Di-Senja; 6.00 — Irama lagu2 asli; 6.30 — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Dokumentari — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Siri Sejarah Brunei; 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Cheramah Minggu Ini; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung ria; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SABTU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Soalan di-udara apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Apa pilehan awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Kursus Radio (SU) dan Panorama Radio (SU); 11.00 — Hiboran pilehan; 11.30 — Dari bintang ka-bintang (SU). T/HARI: 12.00 — Peristiwa dunia minggu ini; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Documentry Radio (SU); 1.30 — Permintaan hari Sabtu. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian

Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh Perindu; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Chitra irama (SU); 7.30 — Bertuturan (SU); — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar Madah (US); 8.45 — Dari Pengalaman Awda; 9.00 — Kuiz/Berbahas Pantun (US); 9.30 — Suara P.T.E. (SU), Hidangan Melayu Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.30 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

AHAD

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.30 — Mari Berpantun; 8.00 — Majallah Radio; 8.30 — Dunia Wanita; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30 — Taman Mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Permainan Pancharagam; 11.00 — Terima-lah Sampul Surat; 11.30 — Hello siapa di-sana; T/HARI: 12.00 — Sandiwara radio; 12.30 — Rampaian tengah hari — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.45 — Bualan minggu ini. PETANG: 2.15 — Suara Pulis Diraja; 2.45 — Hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Bertuturan (ulangan); — Azan untuk fardhu Asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Siri Sejarah; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Mari Melanchong; 6.00 — Buloh Perindu; 6.15 — Persembahan aneka instrumental — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Suara parajurit — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Apa kata mereka; 9.00 — Keluarga Jaya; 9.30 — Mari berzikir; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

ISNIN

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama;

7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan (BBC); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — — Suara parajurit (SU); 11.30 — Senandung irama. T/HARI: 12.00 — Mari Melanchong (SU); 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga Jaya (SU); 1.30 — Permintaan jiran tetangga. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Arena sokan (SU); 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU) — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar; 9.00 — Untuk kaum tani; (SU); 9.30 — Serbanika persembahan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SELASA

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Rampaian London (SU); 9.45 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Senandung ria; 10.30 — Serbanika Persembahan (SU); 11.00 — Majallah radio/meninjau sambil lalu; 11.30 — Pusparagam; T/HARI: 12.00 — Cheramah minggu ini; — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar (SU); 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan Aneka Instrumental — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Bualan minggu ini (SU); 7.30 — Salam dari ku — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Sajak Irama dan Budaya (SU); 9.45 — Senandung Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

WEDNESDAY

News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — Music in Changing Moods produced by Nafisah Haji Ali (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — My Word; 8.30 — Midweek Greeting by Ja'afar Yaakub; 9.15 — News; 9.30 — Date-line; 10.00 Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

THURSDAY

News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express; 11.45 — World of Education. NOON: 12.00 — My Word (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sounds with Tajul Ahmad; 8.30 — "Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.00 — Sports Magazine; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music For Easy Listening with Sheikh Abas; 10.30 — Close Down.

FRIDAY

News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement —

Tajul Ahmad Calling On You. NOON: 12.00 — Our Brunei (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — The Singing Bamboo by Shirley Don; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Our Local Entertainers produced by Sheikh Abbas; 8.30 — "Down Payment On Death" Episode 1, A shot in the night by Jim Eldridge; 9.00 — Light Music from Netherlands; 9.15 — News; 9.30 — Music In Changing Moods produced by Nafisah Ali; 10.00 — Close Down.

SATURDAY

News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — From Our Local Entertainer (repeat); 11.30 — Women's World produced by Evelyn Samuel. NOON: 12.00 — The Best of Clitheroe (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Man In Our Changing World; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of the Pops; 8.30 — Just For Variety; 9.00 — The Singing Bamboo by Shirley Don (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

SUNDAY

News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.30 — The Sixth Form Calling produced by Tajul Ahmad. NOON: 12.00 — Forum by Viviyanti Ali. P.M.: 12.30 — News; 12.45 — Hot Question Cool Answers — produced by Nafisah Haji Ali; 1.00 — Close Down. 8.00 —

Opening Announcement — Does the team think; 8.30 — Be My Guest — introduced by Charan Chand; 9.00 — Perspective; 9.15 — News; 9.30 — Exploring The Classics with Siti Azra produced by Hajjah Zainah; 10.30 — Close Down.

MONDAY

News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round... an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00 — The Sixth Form Calling (repeat). P.M.: 12.30 — News; 12.45 — What Fascinates Me by Evelyn Samuel; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Door to Opportunity by Jaafar Yaakub; 8.15 — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 9.00 — Hot Question Cool Answers (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Perspective; 9.45 — Theatre Forty-Five "An Aspidistra Called Edward by William Corde-roy; 10.30 — Close Down.

TUESDAY

News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special. NOON: 12.00 — Be My Guest (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Science Journal; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "Roy Wood's Wizzo Band side 2; 8.30 — It's All Yours by Veronica Shim; 9.00 — From Ticket, Tape, and Telephone; 9.15 — News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 — Hits In Germany; 10.30 — Close Down.

BERMULA dari sa-orang anggota rekrut kadet AMDB, pengalaman dan semangat serta dedikasi yang waja dari jiwa sa-orang watan telah memperlihatkan suatu kejayaan yang besar erti-nya dalam pembangunan semangat dan pengorbanan bakti dari sa-orang perwira yang perlu menjadi contoh dan panduan kepada semua dalam mencapai merchu kejayaan.

Demikian-lah bagi Perwira Watan, Major Pengiran Hasnan bin Pengiran Ahmad yang merupakan sa-orang pegawai anak tempatan di-Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah berjaya memegang jawatan sa-bagai Pegawai Pemerintah Standard (OCS — Officer Commanding Standard) di-Chawangan Udara AMDB.

Berusia 34 tahun, Major Pengiran Hasnan telah memegang jawatan baru-nya itu bagi menggantikan pegawai luar negeri Major D. F. Southern pada 1hb Jun, 1978.

Dengan mendapat amanah jawatan baru itu, Major Pengiran Hasnan telah mula menjalankan tanggung-jawab-nya dalam menentukan mutu penerbangan bagi sa-tiap juruterbang yang ada di-chawangan berkenaan sa-belum melakukan sa-suatu penerbangan di-samping bertanggung-jawab memberikan lathan asas kepada juruterbang2.

Sa-bagai sa-orang yang pernah berkhidmat dengan Kerajaan, sa-bagai kerani di-Jabatan Ukur sa-lama dua tahun, Major Pg Hasnan telah mencheborkan diri ka-dalam pasokan, berkenaan dalam tahun 1965 sa-bagai rekrut kadet, ia-itu pengambilan rekrut yang ke-empat di-lath di-negeri ini.

Sa-lepas tamat lathan sa-bagai rekrut kadet, beliau telah di-hantar ka-United Kingdom untuk menjalani kursus lanjut di-Sekolah Kadet Morns dalam bulan Nobember 1965 dan berjaya menamatkan kursus dalam bulan April 1966.

Sa-kembali ka-tanah ayer, beliau telah di-naikkan pangkat sa-bagai Lt. Muda dan di-tempatkan di-'B' Kompeni sa-lama tiga bulan.

Berpendidikan dari Sekolah Melayu SMJA dari 1951 hingga 1956 dan Maktab SOAS dari 1956 hingga 1962, Major Pg Hasnan kemudian-nya telah di-tukar ka-Kompeni Lathan AMDB sa-lama sa-tahun sa-bagai Pegawai Lathan dan ka-'A' Kompeni sa-lama dua bulan.

Dalam bulan Februari, 1968, Major Pg Hasnan telah menganggotai pasokan Chawangan Udara AMDB yang ditubuhkan dalam tahun 1961, di-mana ketika berada dalam chawangan ini beliau telah berpeluang menjalani kursus lathan asas memandu kapal-terbang biasa dengan mendapat 'Private Pilot Licence' (PPL) dari Oxford Kidlington UK sa-lama tiga bulan mulai Mei hingga Ogos 1968 dan sa-terus-nya beliau telah mendapat kebolehan dalam memandu pesawat helikopter.

Major Pg Hasnan yang mempunyai isteri dan sa-orang anak telah di-tempatkan semula di-Chawangan Udara di-mana beliau sekali lagi telah menjalani lathan lanjut dalam memandu helikopter jenis 'Bell 206' (Jet Ranger) sa-lama tiga bulan.

Sa-telah berjaya menjalani berbagai ujian dan lathan dalam hal penerbangan dengan kebolehan yang tinggi, Major Pg Hasnan telah di-tauliahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dengan 'Lenchana Penerbangan' pada Februari, 1969.

Dari saat itu berbagai lagi kursus dan lathan telah beliau hadhiri termasuk, menghadhiri kursus

helikopter sa-lama sa-bulan di-Angkatan Udara Diraja Malaysia, Kuala Lumpur dalam tahun 1970; menghadhiri kursus 'Join Warfare' di-Sydney, Australia sa-lama sa-bulan di-mana dalam kursus tersebut Major Pg Hasnan telah mendapat pengalaman teknik perang yang luas dari berbagai ketumbukan angkatan tentera — darat, laut dan udara dari negara2 peserta telah bergabung dalam 'Join Warfare' itu.

Dari Australia Major Pg Hasnan telah berkesempatan lagi mengikuti kursus jurulath helikopter di-Portage LaParade, Winipeg, Kanada dan berjaya sa-bagai jurulath dengan mendapat O.H.I. (Qualification Helicopter Instruc-

tor) mulai Januari hingga September 1972.

Sehingga sekarang Major Pg Hasnan adalah merupakan pemegang O.H.I. yang berpengalaman di-samping beberapa orang anak tempatan di-chawangan itu dan ada-lah merupakan orang yang bertanggung-jawab melayakkan sa-orang anak tempatan untuk menjadi juruterbang biasa.

Kerana pengalaman dan kebolehan yang telah diperolehi dari berbagai kursus dan lathan itu-lah Major Pg Hasnan begitu yakin dan mampu untuk melath dan menghasilkan Lt. Radin sa-bagai sa-orang juruterbang di-Chawangan Udara AMDB dari tahun 1972 hingga 1978.

Kejayaan beliau itu ada-

KEJAYAAN CHERMERLANG DARI BAKTI YANG DI-TABOR

PERWIRA WATAN



lah merupakan suatu berkat dari usaha dan keyakinan yang jujur lagi setia untuk membimbing anak tempatan dari usaha anak tempatan sendiri biar pun di-chawangan tersebut terdapat pegawai2 dan juruterbang luar negeri yang turut berkhidmat.

Bak kata pepatah: kamana kuah nak tumpah kalau tidak ka-nasi; langit mana lagi yang hendak dijunjong jika bukan tempat berlandung dan bumi mana yang hendak di-taborkan jasa dan bakti jika bukan tempat berpijak!

Demikian-lah dengan kejayaan chemerlang yang di-chapai itu ada-lah juga merupakan suatu kornia

dan rahmat daripada Allah s.w.t. kepada hamba-nya yang tabah, chekal, jujur dan penoh berbakti kepada bangsa dan watan.

Major Pg Hasnan telah mendapat kenaikan pangkat sa-bagai Major dalam Pasokan AMDB pada bulan Nobember, 1976. Beliau juga telah di-korniaikan bintang2 kebesaran Negeri Brunei oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dengan Darjah Setia Negara Brunei (SNB) dalam tahun 1977, Darjah Seri Laila Jasa (SLJ) dalam tahun 1975 dan Pingat Hassanah Bolkiah Sultan (PHBS) dalam tahun 1970.

Menurut beliau dalam temuramah dengan Pemberita Pelita Brunei yang

mengelolakan PERWIRA WATAN, hanya terdapat tiga orang jurulath penerbangan anak tempatan termasuk beliau di-chawangan itu yang bertanggung-jawab melath pelath2 juruterbang tempatan ia-itu Kapitan Ibrahim bin Mohammad dan YDM Pehin Datu Kesuma Diraja Major Abdul Rahman bin Mustapha yang juga kedua2-nya mempunyai O.H.I.

Di-samping itu chawangan itu juga terdapat sa-ramai 12 orang juruterbang yang berpangkat pegawai dan bukan pegawai yang menjalankan tugas2 penerbangan dengan 10 buah pesawat helikopter jenis Bell 212, 205 dan 206 yang di-tempah dari Amerika Sharikat.

Di-sepanjang chawangan tersebut menjalankan tugas2-nya banyak perkhidmatan yang berkebakikan yang telah di-tunaikan-nya termasuk perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan untuk penduduk2 pendalaman, perkhidmatan dari firma2 pasokan tentera sendiri dalam usaha menyelamatkan orang ramai seperti nelayan2.

Pasokan menembak pulang

BERAKAS. — Sa-rombongan pasokan menembak dari Battalion Pertama Askar Melayu Diraja Brunei telah pulang ka-tanah ayer pada petang Khamis, 13hb Julai yang baru lalu sa-telah menyertai peraduan menembak antara pasokan2 bersenjata negara2 Kommonwel di-United Kingdom.

Pasokan yang terdiri dari 13 orang anggota itu di-ketuai oleh Lt. Mohammad bin Samit dan telah berlepas ka-UK pada 2hb Jun lalu dalam peraduan yang telah di-langsungkan di-Bisley, UK itu, pasokan menembak itu telah mendapat tempat ke-16 dalam peraduan menembak 'Roupeil Cup' sementara dalam menembak piala 'Henry Whitehead' pula mereka mendapat tempat ke-14.

Ia juga telah mendapat tempat ke-11 dalam acara menembak piala 'Association', di-tempat ke-15 dalam acara menembak piala 'Section Match' dan di-tempat ke-19 dalam menembak piala 'LMG Match'.

Mereka telah juga berjaya memasuki ka-peringkat kedua untuk acara menembak Piala Roberts yang mana menempatkan mereka di-antara 400 orang penembak terbaik dari 770 orang penembak yang mengambil bahagian.



KELIHATAN Timbalan Pegawai Pemerintah Battalion Pertama Major Clough menerima oskar rebutan dari Dayang Mary Preddy.

Johan renang

KEJOHANAN berenang antara yunit2 dalam Pasokan AMDB kali ketiga telah di-langsungkan di-kolam berenang pasokan itu di-Berakas Kem pada hari Jumaat, 7hb Julai yang baru lalu.

Lima yunit pasokan itu telah mengambil bahagian dengan keputusan Yunit Battalion Pertama telah menyandang kejohanan di-samping Yunit Battalion Kedua di-tempat kedua.


Sa-banyak 12 acara renang telah di-adakan termasuk 400 meter gaya bebas, 4 x 50 meter berganti2 gaya campuran dan terjun chantek.

Oskar pusingan kejohanan itu telah di-sampaikan oleh Dyg. Mary Preddy, isteri Pegawai Turus Satu Pasokan di-akhir pertandingan yang juga telah menyampaikan hadiah kepada pemenang2.



BARISAN peserta kejohanan renang dari Battalion Pertama AMDB bergambar ramai dengan hadiah2 dan oskar rebutan mereka.

SAMBUTAN ISRA' ME'RAJ ANJORAN PERTIWI KAMPONG AYER



BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengerusi Pertiwi Kampong Ayer, Dayang Norsiah binte Haji Abu Bakar, ingin merakamkan terima kasih serta penghargaan yang setinggi2-nya kepada peserta2 yang telah mengambil bahagian serta pehak yang berkenaan yang telah menjayakan majlis sambutan Isra' dan Me'raj yang telah di-langsungkan di-Dewan Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Kampong Lurong Dalam sini,

baru2 ini.

Majlis sambutan Isra' dan Me'raj itu di-anjorkan oleh Pertiwi Kampong Ayer. Menyentuh chara memandi dan mengapankan mayat, beliau berkata, kursus tersebut akan di-ulang-kaji serentak dengan Kelas Kor'an bahagian perempuan dimulakan sa-lepas bulan puasa akan datang ini.

Dayang Norsiah berseru kepada penduduk2 di-Kampong Lurong Dalam dan sekitar-nya, ia-itu, di-samping kita mengejar kepen-

tingan material maka kepentingan kerohanian tidak semesti-nya di-lupakan.

Perpaduan, persefahaman yang erat dan bersatu tenaga untuk kemajuan kampung, patut-lah di-sumbangkan di-jiwa kita, jelas-nya lagi.

Beliau merayu kepada ahli2 Pertiwi Kampong Ayer supaya bersatu tenaga dan fikiran sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh persatuan. "Ingat-lah, tiada ada masaalah yang tidak boleh di-selesaikan atau dipecahkan dan tiada kekusutan yang tidak boleh di-huraikan — hanya dengan hati yang luhur dan berjiwa Islam yang dinamik sajalah yang menjadi azimat keharmonian dan perpaduan itu. Mudah2an sempena Isra dan Me'raj ini akan memberi perpaduan, kesedaran dan pengajaran", ujar-nya.

Turut berucap dalam majlis sambutan Isra' dan Me'raj itu ia-lah; Pengerusi Pertiwi Brunei, Datin Hajjah Zaharah binte Haji Idris, Penghulu Mukim Burong Pingai, Awang Haji Abu Bakar bin Hashim dan Nadzir Kelas Dewasa Ugama/Kor'an, Pengiran Hajjah Salmah binte Pengiran Haji Ismail.

Sharahan khas mengenai Isra' Me'raj telah di-sampaikan oleh Awang Lamit bin Ibrahim, sa-orang Pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Achra majlis itu juga telah di-adakan penutup kursus chara memandi dan mengapankan mayat terdiri dari peserta lelaki dan perempuan dari Kampong Lurong Dalam, Kampong Pandai Besi A dan ahli2 Persatuan Pertiwi sendiri.

Majlis yang di-langsungkan pada pagi itu di-serikan dengan memperdengarkan bacaan ayat2 suci Al-Kor'an, persembahan hadhrah, dzikir dan nashid. — kiriman Dayang Maimon Haji Md Salleh.



GAMBAR atas menunjukkan sa-bahagian hadhirin dan hadhirat dalam sambutan Isra' dan Me'raj, anjoran Persatuan Pertiwi Kampong Ayer.



KELIHATAN ahli2 Pertiwi Kampong Saba telah mengalunkan Nashid di-majlis sambutan Isra' dan Me'raj. Sementara gambar bawah, kursus chara mengapankan mayat.



KISAH PERMAINAN BOLASEPAK UNTOK RADIO BRUNEI

SATU siri 12 ranchangan mengenai Permainan Bolasepak, sejarah dan undang-undangnya telah di-terbitkan di-London oleh Perkhidmatan Melayu BBC untok di-siarkan oleh Radio Brunei.

Ranchangan itu, MENGENAL UNDANG-UNDANG BOLASEPAK, di-tulis bersama oleh dua orang pengadil terkemuka, Steve Allatt dan Syd Stoakes.

Syd Stoakes kini sa-orang pengajar kanan dengan Persatuan Bolasepak Britain dan pernah menjadi penjaga garisan dalam dua perlawanan akhir bolasepak Piala F.A. Beliau sekarang bertanggungjawab melaksanakan satu ranchangan kebangsaan bagi melatoh pengajar2 pengadil. Beliau juga pernah melatoh pengadil2 di-lain2 negeri, termasuk Singapura, Hong Kong dan Iran.

Siri ranchangan itu di-padan dan di-sampaikan dalam Bahasa Melayu oleh Aziz Ibrahim, dari Perkhidmatan Melayu, BBC, London, sa-orang pengulas bolasepak berpengalaman yang pernah melaporkan banyak perlawanan antarabangsa, termasuk perlawanan akhir Piala F.A. tahun lalu menerusi satellite dari London ka-Telivishen Malaysia.

Dalam gambar, Aziz yang

sedang menaip telah buat satu kesalahan dalam skrip-nya, dan di-tunjuk kad kuning oleh Syd Stoakes. "Kalau awak salah eja nama saya sa-kali lagi, awak akan di-beri kad merah dan di-gantung sa-lama sa minggu", ujar Syd Stoakes selamba — Berita dan gambar kiriman BBC,



GAMBAR pemain2 pasukan bolasepak Mukim Sengkurong yang telah mengalahkan Mukim Sungai Kedayan dengan 2-1 dan juga telah mengalahkan Mukim Lumapas 5-1. Berdiri No. 3 dari kiri, Awang Muhammad Ismail, jurulatih pasukan ini. Perlawanan bolasepak antara mukim2 di-Daerah Brunei/Muar ini ada-lah sa-bahagian dari achra sambutan hari keputeraan Kebawah DYMM ke-32 — Kiriman Che'gu Othman bin Haji Damit.

MENUNTUT DI-GREAT BRITAIN

TAKLIMAT AM

(Sambongan)

(a)

SAYA sukachita mengemukakan beberapa perkara penting yang patut di-ambil perhatian oleh penuntut2 yang akan sampai di-United Kingdom untuk penerangan asas. Dengan mengetahui perkara2 itu siang2 lagi saya kira penuntut akan dapat gambaran awal dan tidak akan terjadi sudah terhantok baru mengadap. Antara perkara2 yang saya maksudkan penting itu ia-lah:-

(a) Belajar di-peringkat pengajian tinggi tidak seperti belajar di-sekolah. Di-sekolah kita di-ajar tetapi tidak demikian bila belajar di-institusi pengajian tinggi, penuntut2 dipandu, di-kursus dan dibekalkan dengan pengajian2 tertentu. Chara penyampaian-nya di-buat melalui sharahan, seminar tutorial, penyelidikan dan ada kala-nya membuat latehan. Keadaan belajar seperti itu akan menyebabkan sa-tengah penuntut2 teraba2 pada mula-nya. Kesusahan menghadapi pelajaran akan timbul dan tidak tahu apa akan di-buat. Perkara itu sa-benar-nya kesusahan dalam peralihan dari "dependent" kepada "independent". Untuk mengatasi-nya penuntut hendaklah banyak menggunakan khutub khandah bagi membuat rujukkan mengenai pengajian yang berkenaan dan banyakan juga membaca buku2 teks. Hendaklah mengambil bahagian dalam seminar dan tutorial. Sa-ba-rang kesusahan dalam pengajian mesti-lah di hadapkan kepada penshaharah atau tutor yang bersedia untuk menolong.

Sifat malu dan takut mengeluarkan pendapat patut-lah di-hapuskan. Jangan-lah segan turut berbincang dan kuarir bertutor dalam bahasa Inggeris. Dengan jalan menggunakan selalu bahasa itu akan membaiki bahasa itu di-tanah tumpah darah-nya, England. Jadi jangan bila balek ka-Brunei pura2 tidak tahu berbahasa sendiri dan chuba pula berbahasa Inggeris dengan banyaknya terutama dengan orang yang tidak tahu bahasa itu sa-balek-nya berbahasa Inggeris di-England tidak di-benar2i. Perangai seperti itu tidak di-galakkan kerana akibah-nya pertuturan dalam bahasa Inggeris akan hilang pukang dan bahasa sendiri tinggal terbalak.

(b) Sara hidup di-United Kingdom amat tinggi dan sentiasa naik dengan cepat-nya. Perkara ini mesti-lah di-ambil berat bila merancang belanjawan sendiri. Sa-bagai musafir, saudara mara yang paling baik dan teman karib ia-lah wang. Pembaziran wang akan menyusahkan diri sendiri. Harga ba-

rang2 makanan tempatan ada-lah sederhana dan ada kala-nya lebih murah dari di-Brunei. Tetapi barang2 dan bahan2 makanan dari luar negeri amat tinggi harga-nya.

Bahan2 makanan dari Timor banyak di-jual di-London seperti belachan, ikan bilis, kari, udang, biabas, pisang, keladi, ubi manis, tebu, labu dan lain2 lagi termasuk ubi kayu yang berharga lebih kurang \$3.00 sa-paun. Mata wang Inggeris ia-lah dalam sterling yang di-panggil pound (£). Jenis wang kertas-nya ia-lah £20, £10, £5 dan £1 dan wang siling pula ia-lah 50 pence (P), 10p, 5p, 2p, 1 penny (P) dan ½p. Nilai wang Brunei dengan sterling itu lebih kurang (berubah2 mengikut pasaran nilai wang) £1 = \$4.20. Akan tetapi nilai itu di-United Kingdom sa-olah2 £1 = \$1.00. Jika akan membeli sesuatu barang dan harga-nya di-kira2 dalam ringgit Brunei, mungkin tidak jadi membeli-nya kerana di-dapati terlalu mahal. Sekiranya perkiraan itu jadi di-perhitungkan dalam perbelanjaan makin susah lagi menyesuaikan kehidupan di-negeri itu. Apa yang patut di-lakukan ia-lah mana yang mustahak di-beli hendak-lah di-dahulukan.

Merokok tidak di-galakan kerana sa-lain daripada mengancam kesihatan, kadar harga rokok di-United Kingdom dan Brunei ia-lah 1:3 ia-itu harga sa-bungkus di-United Kingdom boleh dapat tiga bungkus di-Brunei.

(c) Sewa tempat tinggal amat mahal. Saya tidak akan menyentuh tentang Rumah Brunei di-London. Penerangan lanjut boleh di-dapati daripada pihak yang berkenaan. Pada lazim-nya pihak maktab memberi pertolongan untuk mendapatkan tempat tinggal untuk penuntut-nya. Bagaimana pun adalah menjadi tanggungjawab penuntut sendiri dan maktab tidak ada kewajiban untuk mengadakan tempat tinggal. Darjah tempat tinggal yang di-dapatkan mungkin kurang baik dari kebiasaan tinggal di-Brunei.

Sekiranya penuntut belum mendapat tempat tinggal sebelum tiba di-United Kingdom hendak-lah hubungi Pegawai Maktab yang bertugas mengenai tempat tinggal (Accommodation Officer) dengan segera. Rumah tumpangan sementara mungkin dapat di-uruskannya. Sebaik2-nya di-pohonkan tempat tinggal itu lebih awal manakala sudah mendapat tawaran tetap tempat belajar.

Ada tiga jenis tempat tinggal yang maktab boleh mendapatkan-nya:-

(i) Tinggal dengan keluarga — tinggal dengan keluarga tempatan sa-bagai tamu dan di-kenakan bayaran. Makan minum disediakan ia-itu selalu-nya sarapan pagi dan makan malam. Makan tengah hari hanya di-sediakan pada penghujung minggu. Penuntut2 mungkin di-kehendaki mengemaskan bilik tidur dan membasoh pakaian sendiri. Kemudahan2 yang di-dapati bergantung kepada masing2 keluarga. Hitong panjang harga sewa-nya antara £16 hingga £21 sa-minggu.

(ii) Bedsitting room — ini selalu-nya bilik sewa dalam rumah keluarga. Ada kala-nya tinggal bersama2 dengan penuntut2 lain. Di-kehendaki mengemas dan memberse sendiri. Kemudahan2 tempat memasak sendiri di-sediakan. Hitong panjang sewa-nya antara £8 hingga £12 sa-minggu tidak termasuk belanja pemanasan (heating) dan letrik.

(iii) Asrama — semua di-lengkapi dengan perabot2 dan kemudahan2 seperti bilik2 permainan, talivishen, mesin penchuchi pakaian dan lain2 kemudahan. Ada asrama yang menyediakan makan minum dan ada pula yang tidak. Biasa-nya asrama maktab menyediakan makan minum. Tinggal di-asrama di-Brunei berlainan dengan di-United Kingdom.

Bayaran2 yang di-kenakan kepada penuntut2 luar negeri lebih tinggi daripada yang di-kenakan kepada penuntut2 tempatan. Ini di-sebabkan asrama itu mendapat bantuan dari Kerajaan. Bayaran tinggal di-asrama biasanya di-kenakan bayaran pendahuluan bagi satu2 penggal persekolahan dan lebih mahal di-bandingkan dengan keluarga. Tiap2 chuti penggal penuntut tidak di-benarkan tinggal di-asrama tetapi bergantung kepada peraturan masing2 asrama.

Penuntut kahwin (bersuami atau beristeri) tidak di-benarkan tinggal di-asrama kechuali menjadi penuntut sama tempat belajar. Ini pun sangat susah untuk mendapatkan tempat tinggal yang sesuai.

Penyewaan rumah persendirian sangat mahal dan sukar mendapatkan-nya berbanding dengan ketiga2 jenis tempat tinggal di-sebutkan di-atas. Jika ada banyak wang dan mampu membayar sewa mahal mudah juga mendapatkan tempat tinggal yang selesa termasuk tinggal di-hotel.

(d) Di-United Kingdom kerap kali terjadi tunjok2 perasaan bermacam2 chara. Ada chara aman dan ada kala-nya berkasar. Jauhkan-lah diri dari penunjok2 perasaan itu. Melibatkan diri tidak mendatangkan keuntungan.

(e) Ada beberapa buah parti politik di-U.K. Parti yang memerintah pada masa ini ia-lah Parti Buroh. Parti Buroh dan Parti Conservative (Tory) saling berganti memerintah negara. Antara parti2 politik yang membimbangkan penduduk terdiri dari orang2 luar negeri ia-lah Barisan Nasional (National Front). Dasar politik parti tersebut adalah berbeza jika dibandingkan dengan National Front yang terdapat di-Malaysia. Sa-chara kebetulan nama dua buah pertubuhan politik itu sama. National Front di-Malaysia ia-lah perkataan parti2 politik berbagai kaum yang memerintah pada masa ini akan tetapi National Front di-United Kingdom berlawanan pula, anti kepada orang2 dari luar negeri yang mengamalkan dasar "racialism". Pergerakan parti itu mengancam ketenteraman orang2 dari luar negeri. Perbalahan antara penduduk tempatan yang pro kepada parti itu dengan penduduk dari luar negeri saban kali berlaku.

Pengiran Mustapha

menulis dari
LONDON



Baru2 ini terjadi pembunuhan ka-atas sa-orang keturunan Bangladesh. Pada 4hb Mei, 1978 Altam Ali, 25 tahun, telah mati di-tikam ketika ia berjalan di-Whitechapel Road, East End, London kira2 jam 7.30 malam. Berita ini di-petek dari Evening Standard bertarikh 5hb Mei, 1978 yang juga menyatakan bahawa pembunuhan itu ia-lah "racial attacks", serangan2 perkauman. Kejadian itu di-ikuti lagi di-Wolverhampton dekat Birmingham di-mana tiga orang Asia telah chedera di-tembak.

Berhubung dengan kejadian2 itu, penuntut mesti-lah berjaga2 dan menjauhkan diri dari kawasan2 yang sensitif. Dalam pada itu tidak semua penduduk tempatan itu ganas. Lagi pun dasar racialism National Front itu tidak banyak mendapat sokongan. Tetapi jangan lupa, malang ta' berbau.

(f) Mogok sudah menjadi asam garam negeri itu. Sejak tahun 1976 saya tidak terkira lagi jenis mogok yang terjadi di-United Kingdom. Mogok2 itu akan mengganggu ketenteraman hidup penuntut. Antara yang dapat di-ingati ia-lah mogok2 pembuat dan pembekal roti paun, pemandu2 kereta tangki minyak, bekalan letrik, pemandu2 bas, kilang2 perusahaan, ahli2 bomba, jururawat, surat2 khabar, mogok penggali kubor dan lain2 lagi.

Jangan-lah penuntut ada hati untuk belajar mengendalikan mogok, apa-tah lagi chuba mogok tidak belajar. Jika tidak terdaya untuk belajar lebih baik pulang ka-Brunei daripada mundar mandir di-negeri orang.

(Bersambong)

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 24hb. hingga 31hb. Julai, 1978

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah)	24.7.1978	Isnin	2.00- 3.00 petang
Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan	24.7.1978	Isnin	3.30- 5.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	25.7.1978	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak	25.7.1978	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Melayu Dato Gandhi	26.7.1978	Rabu	8.30- 9.00 "
Sekolah Melayu Serasa	26.7.1978	Rabu	10.00-10.30 "
Sekolah Melayu Mentiri	26.7.1978	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	26.7.1978	Rabu	11.30-12.00 T/hari
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa	27.7.1978	Khamis	3.15- 4.15 petang
Kawasan Rumah Ketua Kampong Mesjid Lama, Muara	27.7.1978	Khamis	4.30- 5.30 "
Kawasan Mesjid, Kampong Sengkunong	29.7.1978	Sabtu	2.00- 3.00 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas	29.7.1978	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut	29.7.1978	Sabtu	4.30- 5.30 "
Sekolah Melayu Sungai Hanching	31.7.1978	Isnin	3.00- 4.00 "
Berhadapan Kedai, Pekan Muara	31.7.1978	Isnin	4.30- 5.30 "

Goh Hock Kee Motors

JENIS KERETA	HARGA JUALAN	HARGA JUALAN PENOH
DAIHATSU 1200 Custom Model: A 10 RKL Radio, jam, blower, tali keselamatan	\$ 9,400.00	\$ 9,730.00
DAIHATSU 1200 Hi-Custom Model: A 10 RKG Radio, jam, blower, tali keselamatan	\$ 9,570.00	\$ 9,900.00
DAIHATSU 1400 Hi-Custom Model: A 20 RKG Radio, jam, blower, tali keselamatan	\$10,160.00	\$10,500.00

Sharikat Motor Tang Ching Ying, B.S.B.

JENIS KERETA	HARGA JUALAN	HARGA JUALAN PENOH
DATSUN 100A 2 Doors Sedan (Std) Model: BF 10 SRU ...	\$ 8,320.00	\$ 8,690.00
DATSUN 100A 4 Doors Sedan (Std) Model: BF 10 SU ...	\$ 8,510.00	\$ 8,880.00
DATSUN 100A 4 Doors Sedan (DX) Model: BF 10 ...	\$ 8,770.00	\$ 9,140.00
DATSUN 100A 2 Doors STD Wagon Model: WBF 10 SU ...	\$ 9,020.00	\$ 9,390.00
DATSUN 120A 4 Doors Sedan (DK) Model: F10 U ...	\$ 9,070.00	\$ 9,450.00
DATSUN 120A 2 Doors Coupe with radio Model: KF 10 U ...	\$ 9,700.00	\$10,100.00
DATSUN 140J 4 Doors Sedan (DX) Model: A 10 UD ...	\$10,790.00	\$11,200.00
DATSUN 160J 4 Doors Sedan (DX) Model: PA 10 U ...	\$11,160.00	\$11,600.00
DATSUN 160J Wagon (DX) Model: WFA 10 ...	\$12,040.00	\$12,480.00
DATSUN 160J SSS Sedan (DX) Model: PA 10 GKU ...	\$12,650.00	\$13,230.00
DATSUN 160J SSS Coupe Model: KPA 10 GKU ...	\$12,850.00	\$13,430.00
DATSUN 180K w/s— Model: PC 210 DC ...	\$14,420.00	\$15,000.00
DATSUN 180K Model: PC 210 DUC ...	\$15,420.00	\$16,000.00
DATSUN 240 KGT Coupe Model: KMGC 210 VFUGL I ...	\$20,270.00	\$20,930.00
DATSUN 240 KGT Sedan Model: MGC 210 VFUCL I ...	\$19,970.00	\$20,630.00
DATSUN 240 KGT Sedan Model: MGC210VAUCL I ...	\$21,740.00	\$22,400.00
DATSUN 260Z Sport Model: GRS 30 U ...	\$24,600.00	\$25,500.00
NISSAN HOMER TRUCK-LOW DECK (1 Ton) Model: F 20 U ...	\$11,885.00	\$12,300.00
NISSAN HOMER TRUCK-DECK (1 Ton) Model: QGF20MU ...	\$15,750.00	\$16,300.00

Happy Motoring Co. B.S.B.

JENIS KERETA	HARGA JUALAN	HARGA JUALAN PENOH
HONDA ACCORD Coupe Deluxe Automatic 3 Doors Model: C 160 A3 Radio, Safetybelts, airblower, tinted glass, headrests, clock, lighter, rear defogger and heaters ...	\$12,148.00	\$12,620.00
HONDA ACCORD Coupe Deluxe 3 Doors Model: C 160 G3C Radio, tinted glass, cigarette lighter, airblower, safety belts, headrests, clock, heater and rear defogger	\$11,625.25	\$12,080.00
HONDA CIVIC 3 Doors, Model: 1250 c.c.		

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih rendah di-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula pada 13hb Julai, 1978.

BANDAR SERI BEGAWAN:

1. PUSU KERING — \$3.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop Aik Thye,
No. 25, Jalan Sultan.
2. BAWANG PUTEH — \$2.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Seng Teck,
No. 32, Jalan Sultan.
3. GARAM HALUS CHAP PLAY BASKET-BALL — 50 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) A. Muthian,
No. 9, Jalan McArthur.
b) Chai Huat Trading,
No. B-2, Jalan Roberts.

KUALA BELAIT

1. PUSU KERING — \$4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Soon Seng,
No. 32, Jalan Pretty.
b) Kok Kee,
No. 60, Jalan Pretty.

2. BAWANG PUTEH — \$3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Kok Kit Hin,
No. 28, Jalan Pretty.
3. GARAM HALUS CHAP PLAY BASKET-BALL — 50 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut:—
Kok Kee,
No. 60, Jalan Pretty.

SERIA:

1. PUSU KERING — \$4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chin Siong Hin,
No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
2. BAWANG PUTEH — \$3.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Sim Fatt Hin,
No. 74, Jalan Bunga Kenanga.
3. GARAM HALUS CHAP PLAY BASKET-BALL — 50 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Chop Kim Huat,
No. 53, Jalan Bunga Kuning;
b) Poh Sing,
No. 65, Jalan Bunga Kenanga.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-takat ini sa-banyak 7 buah ejen sharikat penjual kereta di-negeri ini telah mengumumkan harga2 jenis kereta yang mereka jual sa-bagaimana yang telah di-persetujui oleh Pengawal Harga, Jabatan Unit Perancang Ekonomi. Sementara 7 buah ejen lagi akan mengumumkan harga2 kereta yang mereka jual tidak berapa lama lagi.

Orang ramai boleh-lah melihat jadual harga2 kereta yang telah di-persetujui, yang telah di-chap dan di-tanda-tangani oleh pihak berkuasa Pengawal Harga. Mana2 jadual harga kereta yang di-tunjukkan tidak mempunyai chap dan kerjasama atau melaporkn kepada pihak berkenaan, mana2 ejen kereta yang menyalah-gunakan jadual harga kereta yang telah di-tetapkan itu.

Ini telah di-nyatakan kepada Pelita oleh pihak berkuasa Pengawal Harga minggu ini. Walau bagaimana pun, tambah-nya, harga2 yang telah di-tetapkan itu terta'alok kepada nilai yen (wang ringgit Jepun) dan sa-tiap perubahan ter-lebih dahulu di-persetujui oleh pihak Pengawal Harga.

Minggu lalu, Pengawal Harga, Dayang Hajjah Jusnani binte Haji Lawie menasehatkan kepada orang ramai supaya jangan tergesa2 membeli kereta, kerana perundingan dengan sa-bilangan ejen sharikat2 penjual kereta masih lagi berjalan untuk menentukan harga bagi sa-buah kereta. Perundingan2 yang sedang berjalan itu, termasuk-lah dengan Sharikat NBT ia-itu sharikat yang menjual kereta2 jenis Toyota.

Harga jenis kereta yang di-wakili oleh sa-banyak 7 buah ejen sharikat2 penjual kereta yang telah di-umumkan minggu ini, berjalan kuat-kuasa-nya mulai 19.7.78, ada-lah seperti berikut:—

JADUAL HARGA KERETA BAGI 7 BUAH SHARIKAT PENJUAL KERETA

Safety belts, tinted glass, headrests, cigarette lighter	\$ 8,120.50	\$ 8,500.00
HONDA CIVIC 2 Doors, Model: 1250 c.c.		
Safety belts, tinted glass, headrests, cigarette lighter, carpet	\$ 7,870.50	\$ 8,250.00
HONDA CIVIC 5 Doors, Model: 1250 c.c.		
Safety belt, tinted glass, cigarette lighter, headrests	\$ 8,911.87	\$ 9,300.00
HONDA ACCORD SALOON, Deluxe 4 Doors, Model: C 160 G4C, Radio, tinted glass, cigarette lighter, airblower safety belts, headrests, clock, heater and rear defogger	\$12,338.00	\$12,810.00

Lau Motors Company

JENIS KERETA	HARGA JUALAN	HARGA JUALAN PENOH
SUBARU 600 2 Door Sedan	\$ 5,788.00	\$ 6,100.00
SUBARU 600 4 Doors Sedan	\$ 5,938.00	\$ 6,250.00
SUBARU DL 2 Doors Sedan	\$ 8,247.00	\$ 8,650.00
SUBARU DL 4 Doors Sedan	\$ 8,448.00	\$ 8,851.00
SUBARU DL 4 Doors Sedan (Air Condition)	\$ 9,964.00	\$10,385.00
SUBARU 4WD Station Wagon	\$11,312.50	\$11,750.00
SUBARU 4WD Station Wagon		

Tambahan di-tutup

BANDAR SERI BEGAWAN.—Tambahan Bandar Seri Begawan akan mulai di-tutup kepada semua penerimaan barang2 muatan mulai jam 9.00 pagi hari Sabtu 29hb Julai, 1978 hingga jam 7.00 pagi hari Isnin 31hb Julai, 1978; kerana Perlumbaan Perahu dan Motor Sangkut Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-32 tahun yang akan diadakan di-Sungai Brunei berhadapan dengan tambahan Bandar Seri Begawan pada Hari Ahad 30hb

Julai, 1978. Semua barang2 muatan hendak-lah di-pindahkan dari tambatan sa-lewat2-nya hingga jam 9.00 pagi hari Sabtu 29hb Julai, 1978 dan kenderaan2 persendirian ada-lah tidak di-benarkan masuk ka-kawasan tambatan pada masa tersebut atau pun barang2 muatan di-punggah ka-atas tambatan dari masa tersebut hingga jam 7.00 pagi hari Isnin 31hb Julai, 1978. Sa-masa perlumbaan tersebut khemah2 akan mula di-dirikan pada 20hb Julai, 1978 dan kawasan letak kereta di-dalam kawasan tambatan akan terlibat juga. Tuan2 punya kereta ada-lah di-nasehatkan untuk memindah kereta mereka masing2 yang di-letakkan di-kawasan tersebut dan berhati2 apabila memandu di-sekeliling perkakas dan pekerja2.

Perubahan nombor2 Talipon

DENGAN ini ada-lah di-ma'alumkan bahawa perubahan nombor2 talipon bagi pelanggan2 kawasan Taman Puri, PGMB, Batu 4, Jalan Tutong, Brunei, akan di-tukar perkhidmatan-nya pada 23hb Julai, 1978 dan bukan pada 15hb Julai, 1978, seperti surat2 yang telah di-berikan kepada pelanggan2 yang berkenaan sa-belum-nya.

(Air Condition)	\$12,753.00	\$13,225.00
SUBARU DL Station Wagon	\$ 9,047.75	\$ 9,468.00
SUBARU DL Station Wagon (Air Condition)	\$10,547.50	\$10,985.00
SUBARU GL Coupe	\$ 8,648.00	\$ 9,051.00
SUBARU GFT Hardtop	\$ 9,447.75	\$ 9,868.00
SUBARU GFT Hardtop (Air Condition)	\$10,948.25	\$11,403.00

Bousted Trading B.S.B.

JENIS KERETA	HARGA JUALAN	HARGA JUALAN PENOH
New Suzuki SS 10 FCRN	\$ 5,200.00	\$ 5,458.00
New Suzuki SS 20 FCRN	\$ 5,500.00	\$ 5,766.50
Suzuki Pick-up 550 c.c.		
ST20—2KR	\$ 5,400.00	\$ 5,831.00
Suzuki Pick-up 550 c.c.		
ST10 SRN	\$ 4,500.00	\$ 4,910.00
Suzuki Pick-up 550 c.c.		
ST 10 RN	\$ 4,500.00	\$ 4,910.00
New Suzuki 4 WD, Hardtop		
LJ 50 V-2RM	\$ 7,800.00	—
New Suzuki Soft Top LJ 50 RC	\$ 7,495.00	—
Suzuki 550 c.c. Delivery Van		
ST 10 VRN	\$ 5,300.00	\$ 5,731.00
New Suzuki 4 WD 800 cc.		
Soft Top LJ 80 RC	\$ 8,660.00	\$ 8,998.00
New Suzuki 4 WD 800 cc.		
Hard Top LJ 80 VRM	\$ 9,000.00	\$ 9,338.00
Datsun 120Y Van		
Std. VB 310 SUDW	\$10,500.00	\$10,913.00
Datsun New 120Y 4 Drs		
Std. B 310 SUDW	\$ 9,600.00	\$ 9,958.75
Datsun New 120Y 4 Drs		
Deluxe A/Cond. B310 UDCG	\$11,950.00	\$12,343.25
Datsun 120Y 4 Drs		
B 310 UD Deluxe	\$10,300.00	—
Datsun 140Y Coupe		
KHB 310 FUDG	\$12,100.00	\$12,497.75
Datsun 1500 Pick-up GN 62 OU	\$11,210.00	\$11,790.00
Datsun 160B Van Std VJ810 STU	\$13,100.00	\$13,573.50
Datsun 180B Sedan 810 TUC	\$14,100.00	\$14,576.25
Datsun 160B Sedan DX J810 TUD	\$12,120.00	\$12,540.25
Datsun 180B Sedan PJ810 TU	\$12,550.00	\$13,009.00
Datsun 180B SSS KP 810GKFU (Hard-top)	\$14,940.00	\$15,475.00
Nissan Caball 2 ton Truck Petrol		
HC 340 WU	\$18,870.00	\$19,308.00
Datsun E 20 BLIND VAN	\$15,700.00	\$16,507.00
Datsun 200L Sedan HC 230 UC	\$16,790.00	\$17,322.00
Datsun 200L Sedan HC 230 U	\$14,800.00	\$15,297.00
Datsun 200L Hard-top DX		
KHC 230 RU	\$15,750.00	\$16,308.00
Datsun Hard-top 200L		
KHC 230 RUC	\$16,950.00	\$17,528.00
Nissan Caball 2 ton Truck Diesel		
HQC 340 WU	\$22,500.00	—
Datsun 260 C Deluxe H 330	\$15,000.00	—
Datsun 280 C Custom DX		
P 330 OVTU 15	\$22,560.00	\$23,212.00
Datsun 280 C Wagon WP		
330 VTU 11	\$20,410.00	\$21,017.00

Sharikat Fiat Distributors B.S.B.

JENIS KERETA	HARGA JUALAN	HARGA JUALAN PENOH
POLSKI FIAT 125P	\$11,005.00	\$11,369.00
FIAT X 1/9 SPORTS	\$16,501.00	\$16,957.00
FIAT Model 131 Special 1600 (Automatic)	\$15,071.00	\$15,533.00
FIAT Model 131 Special 1600 (Manual)	\$14,449.00	\$14,896.00
LADA VAZ 2101 4 Doors		
Saloon 1200 (Manual)	\$ 8,850.00	\$ 9,162.00

Darus-Salam Motors B.S.B.

JENIS KERETA	HARGA JUALAN	HARGA JUALAN PENOH
Isuzu Gemini 4 Doors Saloon	\$10,262.50	\$10,700.00
Isuzu Gemini 2 Doors Coupe (Air Condition)	\$13,028.00	\$13,500.00
Isuzu Gemini 2 Doors Coupe	\$11,105.00	\$11,560.00
Isuzu Gemini 4 Doors Saloon (Air Condition)	\$11,645.25	\$12,100.00
Isuzu KAG51 URA Pick-up	\$13,769.00	\$14,400.00
Isuzu KB20 UA Pick-Up	\$10,353.00	\$10,848.00

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA, BRUNEI

P.W.D. TENDER NOTICES

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari rakyat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwai Ugama, Brunei.

1. PEGAWAI PERPUSTAKAAN KANAN:

- Kelayakan2 dan Pengalaman :
- a) Berumur tidak kurang dari 25 tahun.
 - b) Calon2 hendak-lah mempunyai salah satu dari kelayakan2 berikut:—
 - i) Mempunyai Sijil Pelajaran Ugama.

- ii) Mempunyai Sijil 'Am Peringkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat matapelajaran termasuk matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
- iii) Mempunyai kelulusan yang di-akui dalam bidang perpustakaan.

- c) Mempunyai pengalaman dalam kerja2 perpustakaan sekurang2nya sa-lama tiga tahun.
- d) Hendak-lah tahu menulis dan membaca Jawi.

- e) Calon2 yang tidak mempunyai kelayakan di-(b) diatas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2nya 7 tahun dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang perpustakaan boleh juga di-pertimbangkan.

Gaji :
Dalam sukatan gaji C.1-2 EB.3—\$944-982-1033-1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683.

2. JURUBAHASA:
Kelayakan2 dan Pengalaman :
a) Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 20 tahun.

- b) Pemohon2 hendak-lah mempunyai kelulusan salah satu daripada kelayakan berikut:—

- i) Sijil Pelajaran Ugama Brunei.

- ii) Sijil 'Am Pelajaran Peringkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat matapelajaran termasuk matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama;

- iii) Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dengan syarat lulus matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama dan telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari tiga tahun.

- c) Hendak-lah tahu mem-

bacha dan menulis jawi.

- d) Calon2 hendak-lah fasah dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dan boleh menterjemahkan penerangan2 dari Bahasa Melayu ka-dalam Bahasa Inggeris dan sebalak-nya; dan

- e) Calon2 yang tidak mempunyai kelulusan yang dinyatakan di-(b) diatas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari lima tahun serta fasah dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dan mempunyai kebolehan untuk menterjemahkan penerangan dari Bahasa Melayu ka-dalam Bahasa Inggeris dan sa-balek-nya boleh juga di-pertimbangkan.

Gaji :
Dalam sukatan gaji D.-3-4 EB.5 — \$625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956-982-1007/EB/1046-1071-1097-1122.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 7hb. Ogos, 1978.

(E/193/78—Bil: 69/1978)

No. 139 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 25th July, 1978 for:—

CONSTRUCTION OF GABION RETAINING WALL AT PERKUBORAN SUNGAI KIANGGEH, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 140 OF 1978

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 25th July, 1978 for:—

EXTENSION TO RESETTLEMENT DEPARTMENT OFFICE, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 141 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 25th July, 1978 for:—

CONSTRUCTION OF MOSQUE FOR KAMPONG SINAUT, JALAN

TUTONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 142 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st August, 1978 for:—

CONSTRUCTION OF WATER-BORNE SANITATION TO QUARTERS AT VARIOUS SCHOOLS IN TUTONG DISTRICT.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 143 OF 1978

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st August, 1978 for:—

THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO JALAN BERAKAS FOR WIDENING OF THE ROAD FROM OLD AIRPORT ROAD JUNCTION TO ROUNDABOUT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

TENDER NOTICE

SERIAL No. 18/1978

1. TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kondektor2 Kelas AX dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 25hb Julai, 1978 bagi:—

PEMBINAAN RUMAH PUNDOK DAN 3 TINGKAT BARRACK QTRS UNTUK TELISAI EARTH STATION.

2. Pelan2 dan Penentuan (Specification) dan segala butiran2 lain boleh di-perolehi di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait semasa Pejabat di-buka dengan wang chengkeram sebanyak \$100.00 (Ringgit: satu ratus sahaja) yang mana akan di-bayar balek kepada kondektor apabila semua dokumen2 dan lukisan2 tawaran di-kembalikan kepada Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait dalam masa tiga (3) minggu sa-lapas tarikh tawaran di-tutup. Jika gagal berbuat demikian, wang chengkeram untuk perkara yang tersebut di-atas akan hilang tanpa memberi apa2 notis sa-lanjut-nya.

3. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang terchetak yang boleh di-dapati dengan membayar chengkeram tawaran sa-banyak \$500.00 (Ringgit: Lima ratus sahaja).

4. Wang chengkeram akan di-kembalikan kepada penawar2 yang tidak berjaya sa-lapas keputusan-nya di-siarkan. Wang chengkeram bagi Penawar yang berjaya akan hilang jika ia menolak kejayaan-nya itu.

5. Tawaran2 mesti-lah di-masukkan ka-dalam sampul surat yang bertutup dengan tidak mengenalkan nama penawar, di-atas sampul surat Tawaran Bagi: "Pembinaan Rumah Pundok dan 3 Tingkat Barrack Qtrs untuk Telisai Earth Station."

6. Tawaran2 yang di-buat lain daripada yang di-kehendaki akan di-tolak.

7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sa-habis rendah sekali atau sebarang tawaran.

SERIAL No. 18/1978

1. TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei from registered P.W.D. Contractors Class AX and above up to 12.00 noon on Tuesday, 25th July, 1978 for:—

CONSTRUCTION OF GUARD HOUSE AND 3 STORES BARRACKS QTRS FOR TELISAI, EARTH STATION.

2. Plans, Specification and other particulars may be obtained at P.W.D. Office, Kuala Belait during normal office hours on payment of a deposit of \$100.00 (Dollars: One hundred only) which will be refunded to the contractors on return of all tender documents and drawings intact to the Public Works Department, Kuala Belait within three (3) weeks after the expiry date of tender, failing which the deposited sum of the foresaid shall be forfeited without further Notice.

3. Tenders must be made in printed tender form which may be obtained on payment of a tender deposit of \$500.00 (Dollars: Five hundred only).

4. Tender deposit will be returned to unsuccessful tenderers when the result is published. The tender deposit of the successful tenderers will be forfeited should he fails to accept the award.

5. Tender must be enclosed in plain sealed covers without indication of the name of the tenderer, headed "Tender For: Construction of Guard House and 3 Stores Barrack Qtrs for Telisai Earth Station and address to the Chairman, Tenders Board, Office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei.

6. Tenders submitted otherwise than in accordance with these requirements shall be rejected.

7. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

SUCCESSFUL TENDERS

1. Construction of mosque for Kg Tanah Jambu—Aw Hj Yusoff PDI Hj Mokti—\$153,810—5 months.
2. Construction of reinforced concrete retaining wall at extension to Equipment Room, Telecoms Dept—Purnama Const—\$33,991.25—3 months.
3. Air conditioning installation at Malay School, Tutong Camp—\$112,758.80—Paramount Pte Ltd.
4. Air conditioning installation at Quartermaster's Complex, Berakas Camp—Borneo Air Cond & Eng Co—\$40,989.
5. Supply of AC pipes—Hume Industries—\$44.10 each.
6. Construction of RC drains along Jalan Sg Pandan (south side), KB—Liew Then Kui Contractor—\$38,648—3 months.
7. Construction of RC ramp for fire station at Jalan Tutong—Pembinaan Bersatu Ltd—\$126,494—3 months.
8. Boatshed and ramp for Istana Darul Hana—Ting Pang Hang & Son Const Co—\$258,001—3 months.
9. Electrical installation to 1 block 12 unit Junior Flats, Medical Dept, KB—Ting Sii King Elec Co—\$24,416.
10. Electrical installation to standard mosque, Kg Tanah Jambu—New Skylight Elec Co—\$5,340.90.
11. Electrical installation to 1 block 6 classrooms and toilet block at Puni—Modern Home Products—\$9,208.
12. Installation of an automatic smoke detector fire alarm system at the Museum—Brusia Corp Ltd—\$74,062.50.
13. Army Works Part I services—Seria—electrical and air conditioning installation for QGO Mess and 22 Range—Borneo Air Cond & Eng Co—\$46,729.
14. Construction of 1 school block of 6 standard classrooms and ancillary works at SM Keriam—Hii Chung Hua Const Co—\$111,652—5 months.

SERIAL No. 47(AC)78 AIR CONDITIONING INSTALLATION

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade A, B and C air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday, 25th July, 1978 for the:—

ELECTRONICS LABORATORY AND CLASSROOM JEFRI BOLKIAH SCHOOL ENGINEERING, KUALA BELAIT.

2. Tenders received after the stated time will be rejected.

TENDER NOTICE

ELECTRICAL INSTALLATION TO THE PROPOSED TELEPHONE EXCHANGE AT KG. MADANG, BRUNEI.

REGISTERED Class "C" and above contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical Service To The Proposed Telephone Exchange at Kampong Madang, Brunei.

Tender documents can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 14, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 14th July, 1978 onwards during normal office hours. The tender deposit of \$200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 25th July, 1978. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: "Tender for Electrical Installation to Proposed Telephone Exchange at Kampong Madang, Brunei."

Our clients, The Government

ELECTRICAL DEPARTMENT TENDER NOTICES

3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Air Conditioning Installation, Electronic Laboratory and Classroom, Jefri Bolkiah School Engineering, Kuala Belait.

4. The Form or Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Chief Electrical Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

5. The Tender deposit is B\$200.00 refundable to all tenderers on receipt of a bona fide tender with all related documents in good condition.

6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

SERIAL No. 51 (AC)78 AIR CONDITIONING INSTALLATION

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade A, B and C air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 1st August, 1978 for the:—

AUTOMOTIVE CLASSROOM AND OFFICE JEFRI BOLKIAH SCHOOL ENGINEERING KUALA BELAIT.

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tenders will be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Air Conditioning Installation, Automotive Classroom and Office, Jefri Bolkiah School Engineering, Kuala Belait.'

4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the Office of the Chief Electrical Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

TENDER NOTICE KUALA BELAIT WATER SUPPLY STAGE II CONTRACT No. 3— PIPELAYING

TENDERS are invited from Class "A" P.W.D. Brunei Registered Contractors (who have had experience in constructing large diameter pressure pipelines), for the construction of a 24 inch diameter bitumen lined steel pipeline about ten miles long from Seria to Kuala Belait.

Tender documents are obtainable from the Government's Consulting Engineers Watson (SE Asia), 40 Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan. Applications for the documents must be accompanied by a tender deposit in the form of a crossed cheque for B\$1,500 payable to the Government of Brunei. The tender deposit will be refunded to all contractors who submit a bona-fide tender.

Tenders are to be submitted to the chairman of the Tenders Board not later than 1200 noon on 12th August 1978.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon on Tuesday, 25th July 1978.

SUPPLY, DELIVERY AND PLACING IN POSITION OF LOOSE FURNITURE FOR THE FLOTILLA MESSES AND QUARTERS AT THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT, FLOTILLA BASE, MUARA.

2. Tenders received after 12.00 noon Tuesday, 25th July 1978, will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name and address of the Tenderer and shall marked clearly "SUPPLY, DELIVERY AND PLACING IN POSITION OF

LOOSE FURNITURE FOR THE FLOTILLA MESSES AND QUARTERS AT THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT, FLOTILLA BASE, MUARA."

4. Drawings and Bill of Quantities may be obtained from and examined at the office of Ho Kwong Yew & Sons, Chartered Architects, 406 Bangunan Guru-Guru Melayu, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan during normal office hours on payment of a Deposit of \$200.00 which will be refunded to each unsuccessful Tenderer upon the receipt of a bona fide Tender and the priced Bill of Quantities.

5. Tenders shall be submitted only on the Forms of Tender provided.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

34 ORANG TERIMA KORNIA BINTANG2 DAN PINGAT2

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 34 orang telah menerima kornia Bintang2 Kebesaran dan Pingat2 Kehormatan Negeri Brunei dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sempena sambutan Hari Keputeraan Baginda yang ke-32 pada tahun ini.

Baginda Yang Dipertuan telah mengurniakan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2 Kehormatan Negeri Brunei itu di-Istiadat Mengadap yang berlangsung di-Lapau pada pagi hari Sabtu, 15hb Julai lepas.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas telah mendahului senarai pengurniaan itu dengan pengurniaan Bintang Kebesaran Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Pertama — P.S.N.B.

Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Haji Talib bin Derwish telah di-korniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama — S.P.M.B., dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja, Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Mohd Said di-korniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Kedua — D.S.N.B.

Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua — D.S.L.J. telah di-korniakan Baginda kepada Yang Berhormat Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman; Yang Berhormat Pengiran Haji Sepiuddin bin Pengiran Haji Sulaiman; dan Yang Mulia Awang James Millar.


Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua — D.P.M.B. telah di-korniakan kepada Yang Mulia Pengiran Sharifuddin bin Pengiran Metali; Yang Mulia Awang Haji Ali bin Haji Mohd Daud; Yang Berhormat Dr Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin; Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Bijaya Major Husin bin Haji Sulaiman; Yang Dimuliakan Pehin Datu Juragan Laila Diraja Major Keffi bin Orang Kaya Laila Setia Awang Razali; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Perkasia Major Mahdini bin Dato Paduka Haji Basir; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Datu Indera Setia Diraja Major Haji Abdul Aziz bin Abdullah; dan Yang Mulia Supt. Awang Alias bin S. Ahmad.

Yang Mulia Haji Awang Mashud bin Haji Awang Damit telah di-korniakan

Darjah Seri Ugama Islam Negeri Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga — S.S.U.B.

Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga — S.L.J. di-korniakan kepada Yang Dimuliakan Pehin Penyurat Awang Haji Omar bin Mat Seruddin, Yang Mulia Major Jocklin bin Kongpaw; Yang Mulia Kapitan Shahri bin Haji Mohd Ali dan Yang Mulia Awang W.A. Jackson.

Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga — S.M.B. di-korniakan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohamad; Yang Mulia Kapitan Yahya bin Haji Abdi Manaf; Yang Mulia WO 1 Asmat bin Garing; Yang Mulia WO II Pehgiran Sulaiman bin Pengiran Duraman; Yang Mulia Awang Md Hassan bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Mohd Taha; Yang Mulia Kapitan Ramli bin Kampong dan Yang Mulia Awang Abdul Wahab bin



KEBAWAH D.Y.M.M. sedang mengurniakan Bintang Kebesaran Negeri Brunei kepada Y.B. Peguam Negara brunei.

Haji Mohd Said.

Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ke-empat — P.S.B. di-korniakan kepada Yang Mulia WO I Suhaili bin Abdullah; Yang Mulia S/Sgt. Hamdan bin Haji Awang Besar; Yang Mulia WO I Abdul Kadir bin Haji Metali; Yang Mulia WO II Hamzah bin Idris dan Yang Mulia Sgt. Bungsu bin Osman.

Pingat Hassanul Bolkih Sultan Pangkat Pertama P.H.B.S. (I) di-korniakan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Dato Seri Laila Jasa Muda Chuchu Besar ibni Pengiran Bendahara Pengiran Muda Haji Hashim; Yang Berhormat Malai Haji Mashore bin Malai Haji Damit; Yang Mulia Juru Bini Dayang Hajjah Muara binte Sulaiman.

Brunei telah menchapai kemajuan pembangunan-nya

BANDAR SERI BEGAWAN.—Brunei telah menchapai beberapa kemajuan pembangunan-nya sepanjang tahun lalu dan tahun ini dalam perkhidmatan sosial yang sentiasa diperluaskan dan di-perbaiki dari semasa ka-semasa.

Ini membolehkan raayat dan penduduk yang berbilang di-bawah panji2 pemerintahan Baginda terus menerus menikmati taraf hidup yang lebih tinggi dan kemudahan2 yang luas dengan mutu yang sederhana.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin telah bersabda demikian ketika menyebarkan ucapan keshukoran dari raayat dan penduduk serta pegawai2 Kerajaan di-upacara menyebarkan keshukoran dan mengurniakan bintang2 kebesaran Negeri Brunei di-Lapau baru2 ini.

Sabda-nya, banyak kemajuan2 yang terchapai dalam bidang pelajaran yang antara-nya telah membolehkan kanak2 di-negeri ini menikmati kemudahan2 persekolahan.

Demikian juga, terang Yang Amat Berhormat itu, dalam usaha menumpukan tenaga berkemahiran di-

seberang laut, bilangan pemuda-pemudi telah banyak yang membawa balek kelulusan2 yang mereka hajatkan.

Sabda Yang Amat Berhormat itu sa-terus-nya, dalam perkhidmatan2 perubatan, kebajikan dan perubongon seperti talikom, ia-nya telah berjalan dengan baik menurut sebanyak sedikit yang telah diranchang.

“Inshaallah bidang2 ini akan terus di-uruskan menurut kemampuan yang terdaya dari satu masa ka-satu masa dengan harapan yang penuh bahawa segala perkembangan ini ada-lah semata2 untuk menemui pada mempupuskan lagi

keperluan2 raayat Kebawah Duli Tuan Patek dan pendudok2 yang ikut berbilang”, jelas Yang Amat Berhormat dalam sabda-nya itu lagi.

Yang Amat Berhormat sa-terus-nya menyebarkan bahawa banyak raayat bumiputera negeri ini telah menumpukan tenaga dalam bidang perniagaan yang dengan-nya telah menimbulkan satu kesedaran penyatu paduan tenaga pada menchapai matalamat bersama, di-samping menambahkan lagi kesedaran berniaga di-kalangan orang2 Melayu dengan ada-nya Sekim Pinjaman kepada peniaga2 kechil raayat Baginda.

AMARAN

PASOKAN Askar Melayu Diraja Brunei minggu ini mengingatkan orang ramai terutama penduduk yang tinggal berdekatan dengan kawasan Padang Tembak Binturan, Daerah Tutong supaya jangan mendekati kawasan tersebut mulai dari hari Isnin 24hb Julai sa-hingga hari Khamis 27hb Julai ini kerana Platon Meriam Katak pasokan itu akan menjalankan latehan menembak meriam katak dengan menggunakan peluru2 hidup.

Latehan tersebut akan berjalan antara jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari, 1.00 petang hingga 5.00 petang dan 6.00 petang hingga 12.00 tengah malam pada hari2 tersebut.

KEAMANAN UNTOK KEMAJUAN NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN.—Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Pengiran Muda Muhammad Bolkih menegaskan hanya dalam suasana aman tenteram sahaja sa-sebuah negara akan dapat berkembang maju dan raayat serta pendudok-nya akan dapat menikmati kemakmoran dan kebahagiaan.

Yang Teramat Mulia itu telah bersabda demikian ketika menyebarkan sembah keshukoran sa-bagai mewakili wazir2, cheteria2, kerabat2 Diraja dan mentri2 di-upacara menyebarkan keshukoran dan mengurniakan bintang2 kebesaran di-Lapau pada hari Sabtu lalu.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir bershukor di-atas limpah kornia Allah s.w.t. dan di-bawah pimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Negeri Brunei serta raayat-nya telah dan sedang menikmati kebahagiaan, kemakmoran dan keamanan.

“Ini ada-lah dengan berkat kebijaksanaan dan inisiatif Kebawah Duli Paduka Kekanda yang senantiasa mengambil berat atas untong nasib raayat tidak kira samada raayat di-kota ataupun di-desa, yang mana Kebawah Duli Paduka Kekanda selalu sahaja berangkat ka-pendalaman untok melihat dan meninjau sendiri akan keadaan mereka di-pendalaman itu”, sabda Yang Teramat Mulia itu.

Yang Teramat Mulia sa-terus-nya berdo'a semoga suasana dan keadaan demikian akan sentiasa berterusan buat selama2-nya.

Menyatakan berbagai2 faedah dan usaha bagi

meninggikan taraf hidup raayat negeri ini, Yang Teramat Mulia bersabda, Kerajaan Baginda juga telah dan sedang menjalankan berbagai ranchangan dengan tidak kendor2-nya seperti bidang agama, perubatan, pelajaran dan pertanian, demikian juga dalam bidang keamanan dan keselamatan.

Yang Teramat Mulia sa-terus-nya menyatakan harapan semoga pegawai2 Kerajaan Baginda yang telah di-amanahkan untok menyelenggarakan sa-suatu tugas itu akan sentiasa mendapat petunjuk dan hidayat dari Allah s.w.t. dengan tulus ikhlas serta rajin melaksanakan tanggung-jawab mereka semata2 kerana Allah.

Mewakili wazir2, cheteria2, kerabat2 Diraja dan mentri2, Yang Teramat Mulia menyebarkan taat setia yang tidak berbelah bahagi dan berdo'a semoga Baginda di-lanjutkan usia untok kekal karal memerintah Negeri Brunei Darusalam.

Sahkan mata- pelajaran

BANDAR SERI BEGAWAN.—Chalun2 Persendirian yang mengambil Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Singapura-Cambridge 'A' Level (Aliran Melayu) 1978 ada-lah di-persilakan datang ka-Jabatan Lembaga Peperiksaan, Brunei dengan sa-berapa segera-nya yang boleh bagi menyemak dan mengesahkan butir2 keterangan dan mata-pelajaran yang diambil-nya.

Chalun2 akan di-kehendaki menandatangani pengesahan tersebut sa-telah mereka membuat penyemakan. Chalun2 Sekolah hendak-lah berjumpa Pengetua mereka masing2 bagi perkara yang sama.

Penyemakan ini akan berakhir sa-belum 23hb Julai, 1978.

Gunakan penghantaran sa-chara 'despatch'

BANDAR SERI BEGAWAN.—Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan Brunei mengingatkan Ketua2 Jabatan di-semua Jabatan Kerajaan supaya sentiasa memerhatikan penghantaran surat2 sa-chara 'despatch' akan berjalan dengan lancar.

Ini telah di-ingatkan oleh Yang Berhormat itu dalam Surat Keliling Pejabat Setia Usaha Kerajaan Bil: 9/1978 yang di-keluarkan baru2 ini.

Y.B. menjelaskan, sepanjang yang di-ketahui di-akhir2 ini terdapat Jabatan2 Kerajaan melakukan penghantaran surat2 antara jabatan2 melalui Perkhidmatan Pos.

“Akhir2 ini telah sampai ka-perhatian saya bahawa ada di-antara Jabatan2 Kerajaan yang banyak menggunakan

Perkhidmatan Pos bagi penghantaran surat2 ka-Jabatan2 yang lain walaupun jarak antara jabatan2 itu sendiri berdekatan antara satu dengan lain dan penghantaran sa-chara 'despatch' dapat di-lakukan”, jelas Y.B. dalam surat keliling itu.

Yang Berhormat itu menambah sambil menarek perhatian Ketua2 Jabatan supaya melaksanakan kehendak2 yang terkandung dalam Surat Keliling Pejabat Setia Usaha Kerajaan Bil: 27/973 yang mengarahkan penggunaan buku penghantaran surat-menyerut (despatch) sa-jauh mana yang boleh di-dalam penghantaran surat2 antara Jabatan2 Kerajaan.

Ini juga, jelas Yang Berhormat itu mengingatkan, dengan melakukan penghantaran surat2 melalui despatch ia-nya akan dapat mengelakkan ke-lambatan dalam jentera pentadbiran Kerajaan dan supaya tenaga dapat di-jimatkan untok urusan2 yang lain.